PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI SELASA : 25 JULAI 2017

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 103)

[SOALAN NO. 4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.83]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No: 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian hendak menempatkan pembantu guru yang secukupnya di seluruh negara untuk menyelesaikan kerja-kerja perkeranian sebagai satu usaha untuk membolehkan guru-guru hanya menumpukan tugasan pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan kebajikan guru-guru terutama melibatkan skop atau bidang tugas hakiki guru. KPM juga menyedari kompleksiti tugas guru yang bukan berkaitan aspek pengajaran termasuklah perkeranian yang boleh menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM meneruskan usaha menempatkan pembantu guru di sekolah-sekolah bermula di Kedah dan Melaka bagi tahun 2017. Seramai 421 orang Pekerja Sambilan Harian

telah dilanjutkan perkhidmatan sehingga September 2017. Penempatan pembantu guru di seluruh negara ini akan dilaksanakan bergantung kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

RJM11

NO. SOALAN: 9

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan hutan hujan di Malaysia adalah kaya dengan tumbuh-tumbuhan yang didakwa mempunyai pelbagai nilai ubat- ubatan. Namun masih banyak lagi yang belum diterokai dari segi potensi ubatan dan nilai komersialnya. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk menerokai potensi dan nilai komersialnya serta pembangunan industri herba Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjalankan kajian huluan dan hiliran yang meneroka potensi ubatan tumbuhan dari segi efikasi, keselamatan dan kualiti produk herba.

Daripada 1,200 spesies tumbuhan di seluruh negara yang dilaporkan mempunyai nilai ubatan, FRIM telah meneroka potensi ubatan lebih 480 spesies tumbuhan; antaranya tongkat ali, kacip fatimah, serai wangi, gaharu, asam gelugor dan patawali.

Hasil kajian ini, FRIM telah menghasilkan sekurang-kurangnya 40 produk herba dan penjagaan diri yang telah dikomersial dan/atau berpotensi untuk dikomersialkan.

Selain produk, FRIM juga mempunyai lebih 1150 ekstrak tumbuhan herba, 47 ekstrak piawai, koleksi minyak pati daripada 200 spesies tumbuhan dan 12,000 koleksi aktinobakteria yang telah diuji dan didapati berpotensi dalam penjagaan kesihatan atau pencegahan penyakit-penyakit tertentu seperti diabetik, inflammatori dan anti-kolesterol.

Kemudahan di FRIM seperti makmal yang mempunyai akreditasi bertaraf BioNexus dan MS ISO/IEC 17025; serta pensijilan Sijil Organik Malaysia dan Amalan Pengilangan Baik turut menyokong kawalan kualiti produk herba disamping memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Kementerian turut mengambil langkah mewujudkan Akta FRIM (Akta 782) pada tahun 2016. Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) yang ditubuhkan pada 1985 hanya khusus kepada aktiviti penyelidikan. Melalui Akta ini, FRIM dibenarkan menubuhkan syarikat FRIM bagi komersialisasi produk dan teknologi hasil R&Dnya sendiri.

Selain itu, FRIM juga akan menjadi pusat pensijilan dan pengesahihan bahan mentah herba bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi industri herba negara. Ini membolehkan produk yang dihasilkan berkualiti, selamat dan memenuhi keperluan piawaian tempatan dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**10**

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
nyatakan kesudian Kerajaan untuk membuat perubahan dalam memerangi kanser memandangkan Malaysia telah menjadi 'signatory' kepada '2017 World Health Assembly Cancer Resolution: From Global Commitment to National Action'. Adakah ini bermaksud bahawa National Cancer Control Plan dan Tobacco Control Act akan diubahsuaikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Penguatkuasaan dan pengawalan hasil tembakau ketika ini adalah di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, Akta Makanan 1983. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil langkah untuk mengangkat taraf peraturan ini menjadi Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok. Kabinet telah mengarahkan agar Akta ini dibangunkan dalam tempoh dua tahun menerusi mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016. Akta baru ini dapat meningkatkan mutu kawalan hasil tembakau dan merokok demi untuk meningkatkan taraf

kesihatan rakyat dan mengurangkan penyakit akibat merokok seperti kanser selaras dengan objektif World Health Assembly Cancer Resolution.

Tuan Yang Dipertua,

Pelan Tindakan Kanser Kebangsaan adalah merupakan satu dokumen panduan yang amat penting bagi menangani penyakit kanser di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan telah pun menyediakan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Program Kawalan Kanser atau, dengan izin, *National Strategic Plan for Cancer Control Programme* (NSPCCP) 2016-2020 yang merupakan *updates* terhadap pelan tindakan sebelum ini, iaitu, *National Cancer Control Blueprint 2008-2015.* Pelan tindakan 2016-2020 ini merangkumi semua aspek dalam kawalan kanser iaitu pencegahan, saringan, pengesanan awal, diagnosis, rawatan, rehabilitasi, rawatan paliatif, kajian serta perubatan tradisi dan komplementari.

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan bahawa Malaysia sememangnya telah menjadi *signatory* kepada Resolusi Kanser yang diluluskan oleh *World Health Assembly* baru-baru ini. Secara umumnya, perkara-perkara yang dinyatakan dalam resolusi ini adalah agar negara-negara ahli mempertingkatkan capaian kepada semua spektrum kawalan kanser iaitu dari aspek pencegahan sehingga *survivors follow-up*, perlaksanaan rawatan berdasarkan *evidence-based protocols*, memperkukuhkan kawalan tembakau dan pelalian serta memperkukuhkan sumber termasuk sistem kesihatan. Tidak dinafikan bahawa bagi melaksanakan kawalan kanser yang berkesan ianya harus merangkumi semua spektrum yang barkaitan dan

memerlukan pendekatan hollistik serta melibatkan kerjasama antara agensi dan juga antara disiplin-disiplin dalam perkhidmatan rawatan.

Sukacita dinyatakan, strategi dan aktiviti yang dirancang di dalam Pelan Tindakan Kanser Kebangsaan 2016-2020 adalah merangkumi aspek-aspek yang dinyatakan di dalam resolusi berkenaan. Pencegahan kanser dari segi pemberian pelalian (dan amalan gaya hidup sihat) serta pengesanan awal kanser merupakan aspek-aspek yang diberi fokus utama. Namun demikian, pengurusan lanjut dari pencegahan dan pengesanan awal tetap diberi penekanan. Di samping itu, rawatan berdasarkan *evidence-based protocols* adalah perkara yang sentiasa dititik beratkan dalam aspek rawatan. *National Strategic Plan for Cancer Control Programme* 2016-2020 juga memberi fokus kepada perkhidmatan psikososial pesakit serta mempertingkatkan perkhidmatan paliatif. Selain itu, kajian-kajian berkaitan kanser dan strategi untuk mempertingkatkan tenaga kepakaran juga dinyatakan dalam pelan tindakan ini.

Tuan Yang Dipertua.

Memandangkan, perkara-perkara dinyatakan dalam Resolusi Kanser yang diluluskan oleh *World Health Assembly* telah terdapat di dalam *National Strategic Plan for Cancer Control Programme* 2016-2020, justeru itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengubahsuai pelan tindakan yang sedia ada dalam masa terdekat. Walaubagaimanapun, semakan dan *updates* terhadap perlaksanaan ini akan sentiasa dilakukan, oleh yang demikian, ubahsuai boleh dilakukan sekiranya perlu.

SOALAN NO.: 11

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
KAWASAN : SETIAWANGSA
TARIKH : 25 JULAI 2017, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan Kerajaan dalam menstrukturkan semula kadar tol untuk lebuh raya serta menambah baik klausa-klausa dalam perjanjian konsesi termasuk memperuntukkan klausa Mekanisme Semakan Semula Tol iaitu menyebabkan kenaikan kadar tol tidak lagi dibenarkan secara automatik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengurangkan isu berhubung kadar bayaran tol, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi berhubung penstrukturan semula kadar tol. Langkah ini dilaksanakan secara berterusan memandangkan Kementerian percaya bahawa penangguhan kenaikan kadar tol yang dilaksanakan pada masa ini hanya berupaya menyelesaikan isu ini dalam jangka masa pendek.

Perbincangan dan rundingan telah dilaksanakan dengan syarikat-syarikat yang memenuhi parameter yang ditetapkan oleh Kerajaan. Ini bagi memastikan objektif utama rundingan iaitu untuk menghasilkan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman dapat dicapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, rundingan mempertimbangkan beberapa asas utama seperti cadangan kadar tol, implikasi penstrukturan terhadap kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Pada masa ini, penilaian dan kajian terhadap cadangan yang diterima masih lagi dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, klausa berhubung Mekanisme Semakan Semula Tol merupakan klausa standard bagi perjanjian konsesi generasi baru. Sehingga kini, klausa ini telah dimasukkan di dalam hampir ke semua perjanjian konsesi baru. Bagi perjanjian konsesi yang telah lama ditandatangani, rundingan untuk memasukkan klausa ini diadakan secara berterusan bersama syarikat

konsesi yang terlibat. Ini adalah kerana pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) jumlah kes pengubahan wang haram melibatkan syarikat Malaysia, bilangan kertas siasatan yang dibuka dan tindakan diambil dari tahun 2010 hingga Mei 2017; dan

(b) adakah Kerajaan berhasrat meminda Akta 613 dalam memperkukuhkan institusi kewangan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2013 sehingga 2016, terdapat 1,043 kertas siasatan yang telah dibuka di bawah

AMLATFA oleh agensi-agensi yang berkaitan, yang mana sebanyak 145 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Status kes-kes tersebut adalah seperti dalam jadual berikut :

Status		Jumlah Kes
Dituduh di Mahkamah	Disabitkan kesalahan	61
	Dilepaskan tanpa dibebaskan	10
	Masih dalam perbicaraan	41
	Ditarik balik	4
	Dibebaskan	29
	Jumlah	**145**

Kes-kes kesalahan pengubahan wang haram melibatkan pelbagai agensi dan ianya tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA). Agensi yang terlibat adalah seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Agensi Penguatkuasaan Labuan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Buat masa ini, tiada keperluan untuk meminda Akta 613 (AMLATFA)

memandangkan pindaan baru sahaja dibuat oleh Parlimen pada tahun 2014 dan telah berkuat kuasa pada 1 September 2014. Matlamat pindaan tersebut antara lain adalah untuk memperkukuhkan langkah-langkah penguatkuasaan dan kuasa penyiasatan agensi penguatkuasa, sekaligus dapat meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh semua agensi yang terlibat.

Selain itu, kesalahan berat yang disenaraikan di dalam Jadual Kedua AMLATFA sentiasa diteliti dan disemak serta ditambah dari masa ke semasa berdasarkan kepada keperluan. Setakat ini, terdapat 398 kesalahan berat daripada 48 akta perundangan yang telah disenaraikan di bawah jadual tersebut. Dalam masa yang sama, kerajaan komited dalam memastikan peruntukan-peruntukan di bawah AMLATFA adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan agensi penguatkuasa pada setiap masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN : NO. 13

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menyediakan pendidikan terbaik bertaraf dunia ke arah gagasan Transformasi Nasional (TN50) sebagai persiapan mendepani cabaran industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan matlamat Transformasi Nasional 50 dan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil langkah untuk melonjakkan sistem pendidikan tinggi agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara dan menyediakan graduan yang berdaya saing dan kompeten dalam mendepani cabaran Industri 4.0, antaranya adalah:

(a) Penawaran program berbentuk hibrid dengan menjumudkan program akademik yang tidak relevan;

(b) Penawaran program akademik yang lebih fleksibel berkonsepkan *jukebox*;

(c) Pelaksanaan transformasi kaedah penyampaian kurikulum program seperti pembelajaran teradun (*blended learning*), *Massive Open Online Course* (MOOC) dan pembelajaran terbantu robotik;

(d) Pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (*Integrated Cumulative Grade Point Average* - iCGPA) iaitu penilaian pelajar berdasarkan domain Pengetahuan; Kemahiran praktikal, Kemahiran dan tanggungjawab sosial; Nilai, sikap dan profesionalisme; Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan Kemahiran mengurus dan keusahawanan;

(e) Pelaksanaan program akademik berbentuk 2u2i kepada pelajar yang menggabungkan teori dan praktikal di samping mereka didedahkan kepada teknologi terkini era Industri 4.0;

(f) Pelaksanaan Program *CEO @ Faculty* di mana pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan pegawai-pegawai tinggi Perkhidmatan Awam; dan

(g) Pelaksanaan Program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*, ICoE) bagi meningkatkan kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi dengan pihak industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar institusi pendidikan tinggi.

NO. SOALAN:14

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN:

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mewujudkan satu Akta yang melarang ajaran Syiah diamalkan di Malaysia demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia dalam jangka panjang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah yang serius dalam membendung dan menangani isu-isu berkaitan penyelewengan akidah demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia. Kesalahan berkaitan akidah dan kesucian agama Islam telah pun diperuntukkan dalam EnakmenKesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri.

Ia selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah bidang kuasa negeri.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sehingga kini, sebanyak 12 buahnegerikecuali Sabah dan Sarawak telahmewartakan fatwa laranganajaranSyiahuntukdisebarkandikalangan orang-orang yang beragama Islam.Manakalanegeri Sabah dan Sarawak telahmengeluarkan fatwa laranganajaranSyiahdandalam proses pewartaan.

Kerajaan berpandangan bahawa buat masa kini, peruntukan sedia ada dapat membendung dan mengekang ajaran Syiah serta apa-apa amalan atau doktrin yang boleh merosakkan akidah umat Islam melalui penguatkuasaan undang-undang yang sentiasa diperkemaskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN : NO. 15

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian dalam merancang revolusi terhadap pendidikan tinggi negara agar lebih cemerlang seiring dengan pengenalan Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Keempat, yang berlaku di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil langkah untuk melonjakkan sistem pendidikan tinggi dan menyediakan graduan yang berdaya saing dan kompeten dalam mendepani cabaran Industri 4.0 antaranya adalah:

(a) Penawaran program berbentuk hibrid dengan menjumudkan program akademik yang tidak relevan;

(b) Penawaran program akademik yang lebih fleksibel berkonsepkan *jukebox*;

(c) Pelaksanaan transformasi kaedah penyampaian kurikulum program seperti pembelajaran teradun (*blended learning*), *Massive Open Online Course* (MOOC) dan pembelajaran terbantu robotik;

(d) Pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (*Integrated Cumulative Grade Point Average* - iCGPA) iaitu penilaian pelajar berdasarkan domain Pengetahuan; Kemahiran praktikal, Kemahiran dan tanggungjawab sosial; Nilai, sikap dan profesionalisme; Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan Kemahiran mengurus dan keusahawanan;

(e) Pelaksanaan program akademik berbentuk 2u2i sebagai platform kepada pelajar yang menggabungkan teori dan praktikal di samping mereka didedahkan kepada teknologi terkini era Industri 4.0;

(f) Pelaksanaan Program *CEO @ Faculty* di mana pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan pegawai-pegawai tinggi Perkhidmatan Awam; dan

(g) Pelaksanaan Program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*, ICoE) bagi meningkatkan kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi dengan pihak industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar institusi pendidikan tinggi.

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9953

SOALAN :

Tuan Er Tack Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaiktaraf Ibu Pejabat Polis Daerah Muar serta kelengkapan balai, lokap dan kelengkapan tahanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar, Johor telah beroperasi sejak 1977 di atas tapak tanah Lot No. 985 seluas 7.30 ekar dan terdiri dari bangunan pentadbiran dan kuarters. IPD ini beroperasi dengan kekuatan seramai 568 anggota yang diketuai oleh seorang Ketua Polis Daerah (OCPD) berpangkat Asisten Komisioner Polis (ACP).

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menyenaraikan cadangan projek bagi pembinaan semula IPD Muar melalui Pakej Rancangan Pelaksanaan Program/Projek Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2015 hingga 2020 di bawah pakej Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dalam usaha PDRM untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan imej serta tahap rasa selamat penduduk. Namun demikian, projek IPD Muar tidak diletakkan sebagai keutamaan kerana PDRM perlu menilai semua cadangan projek supaya lebih menjurus kepada menaik taraf kompleks PDRM yang sangat uzur. Penyenaraian semula projek ini dalam RMKe-11 akan dibuat setelah isu kekangan peruntukan Kerajaan dapat diatasi.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 25 JULAI 2017

SOALAN:

Datuk Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah syarat-syarat kelayakan bagi tuntutan pencen ilat dan pencen penakat serta jumlah penerima pencen tersebut mengikut negeri.

PR-1352-L02249

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Syarat-syarat kelayakan permohonan Pencen Ilat adalah seperti berikut:

i) Orang berinsurans (OB) belum mencapai umur 60 tahun pada tarikh Notis Ilat diterima. Sekiranya telah mencapai umur 60 tahun, OB perlu buktikan keilatan telah berlaku sebelum mencapai umur 60 tahun dan mereka tidak lagi bekerja sehingga mencapai umur tersebut,

ii) Disahkan ilat oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan dan

iii) Memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

2. Manakala syarat-syarat kelayakan permohonan Pencen Penakat pula adalah seperti berikut:

i) Orang berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun,

ii) Telah memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan di bawah Akta 4 atau

iii) Meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umur.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Jumlah penerima faedah Pencen Ilat dan Pencen Penakat mengikut negeri sehingga 31 Disember 2016[p] adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1

NEGERI	PENCEN ILAT	PENCEN PENAKAT
PERLIS	10,585	25,613
KEDAH	6,329	20,475
PULAU PINANG	5,543	19,054
PERAK	10,585	25,613
SELANGOR	11,434	45,535
KUALA LUMPUR	5,495	23,686
MELAKA	2,157	9,385
NEGERI SEMBILAN	2,703	12,872
JOHOR	5,282	33,551
PAHANG	2,448	11,462

TERENGGANU	841	7,991
KELANTAN	1,326	8,990
SARAWAK	2,360	16,397
SABAH	1,597	12,352
JUMLAH	58,436	249,018

Sumber : Cawangan Aktuari dan Statistik, Pertubuhan Keselamatan Sosial

Nota : p - Statistik sehingga Disember 2016 belum diaudit

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9954

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai warga negara asing dan mana negara asal mereka yang telah membuat laporan polis terhadap syarikat atau individu Malaysia yang disyaki mengoperasi Money Game atau skim cepat kaya pada tahun 2017. Senaraikan syarikat-syarikat yang disyaki menjalankan skim cepat kaya yang melibatkan pelabur warga asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan perhatian yang khusus berhubung kes-kes penipuan yang menggunakan modus operandi skim cepat kaya atau *money game* di Malaysia. Mangsa-mangsa bukan sahaja terdiri daripada rakyat tempatan malah turut melibatkan negara luar. Dalam semakan PDRM, seramai 90 orang warga asing telah menjadi mangsa skim cepat kaya pada tahun 2017.

Statistik jumlah mangsa, negara dan syarikat skim cepat kaya adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat Skim Cepat Kaya	Warganegara Mangsa	Jumlah Repot
1.	Jie Jiu Pu Tung Ren (JJPTR)	Taiwan	1
2.	Monspace	China	84
3.	MBI	China	1
4.	Morgage Capital Sdn. Bhd (MGC)	Yemen	4
Jumlah			**90**

PDRM menjalankan siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Penipuan) dan pertuduhan di Mahkamah. Siasatan juga dilakukan di bawah Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUAA) selain tindakan pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). PDRM telah mengadakan mesyuarat secara berkala dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi tujuan pembanterasan selain pendidikan kepada orang awam bagi mengelak menjadi mangsa skim penipuan pelaburan.

SOALAN NO.: 19

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH**
KAWASAN	:	**LIMBANG**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017, SELASA**

SOALAN:

YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status perbincangan kemungkinan laluan "seamless' di antara Negara Brunei dan Wilayah Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan daripada perbincangan yang diadakan oleh Malaysia dan Brunei Darussalam, Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Dalam Negeri telah mengenalpasti dan melaksanakan beberapa inisiatif berhubung perjalanan *seamless* (*seamless travel*) antara Negeri Sarawak dan Sabah melalui Negara Brunei Darussalam.

Bagi Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam pembinaan infrastruktur jalan, pelaksanaan Fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dijangka akan dilaksanakan seawal tahun 2018 yang merentasi Negara Brunei Darussalam bakal mengurangkan kos dan tempoh perjalanan bagi pengguna jalan raya untuk ke Sabah dan Sarawak melalui Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI (PANDAN)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tarikh laporan aktuari terkini yang dibuat ke atas dana Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan senaraikan tahun-tahun (sejak 2000) Kerajaan Persekutuan terpaksa menyuntik dana tambahan ekoran laporan aktuari dan jumlah suntikan yang dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan aktuari terkini yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) adalah pada 31 Disember 2016. Sumbangan caruman Kerajaan

Persekutuan kepada KWAP dari tahun 2003 sehingga tahun 2017 adalah berjumlah RM16,490,000,000.

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN [TANJONG MANIS]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**21**

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian dalam mengalakkan lebih banyak syarikat korporat dan swasta untuk tampil membantu Kementerian terutama melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka bagi membantu pesakit-pesakit kronik khususnya yang datang dari luar bandar ke Hospital Besar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengalu-alukan penglibatan syarikat korporat dan swasta melalui sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam membantu mengurangkan kos pembiayaan perubatan yang perlu ditanggung oleh pesakit dan waris. Sumbangan adalah dalam bentuk peralatan, ubat ataupun wang di

mana perolehan peralatan dan ubat akan dibuat di peringkat KKM dan hospital.

Antara inisiatif KKM yang dilaksanakan adalah pengumpulan dana dengan penganjuran Jamuan Makan Malam Amal dengan kerjasama *Malaysia Lysosomal Disease Association* (MLDS) di mana sebanyak RM800,000.00 telah berjaya dikumpul hasil sumbangan orang perseorangan dan syarikat pada 2014.

Selain itu syarikat korporat dan swasta juga menyumbang atas inisiatif mereka sendiri, antaranya adalah:

Tahun	Penderma	Peralatan	Kos (RM)
2013	Standard Chartered Foundation	4,431 unit *Intraocular lens*	1.5 juta untuk tempoh 3 tahun
2014	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	*Intraocular lens*	200,000.00
2016	PETRONITA	*Intraocular lens*	60,000.00
2016	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	*Intraocular lens*	50,000.00
2016	Leong Hup (M) Sdn Berhad	8 unit *cochlear implant*	560,000.00
2017	SPANCO Sdn. Bhd.	15 unit mesin hemodialisis	500,000.00
2017	MAIWP (melalui Pusat Pungutan Zakat)	*Intraocular lens*	50,000.00
2017	Yayasan Sultanah Bahiyah	Bas & peralatan perubatan untuk Klinik Katarak 1Malaysia Zon Utara	545,139.00

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN : NO. 22

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan penyelidikan di universiti-universiti dan peruntukan yang dipotong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk tujuan program penyelidikan bagi tahun 2017 tidak dipotong malahan terdapat pertambahan peruntukan sebanyak RM30 juta berbanding tahun 2016. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan di universiti awam (UA) terutamanya universiti penyelidikan tidak terjejas dan akan diteruskan mengikut perancangan bagi memastikan kedudukan universiti tempatan terus diperkukuhkan di peringkat global.

KPT sentiasa memberikan keutamaan terhadap agenda pembangunan kapasiti Malaysia menerusi penyelidikan berfokus yang dijalankan oleh pihak universiti. Sebagai tambahan, tahun 2017 merupakan tahun *Translational Research* di mana penyelidikan-penyelidikan yang dilaksanakan bertepatan dengan agenda nasional dan memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat, ekonomi, akademik dan industri.

Sepanjang tempoh dari tahun 2012 hingga 2016, UA telah menghasilkan 5,562 harta intelek baharu dan berjaya mendaftarkan 675 paten. Hasil penyelidikan turut mendapat pelbagai pengiktirafan antaranya di persidangan Seoul International Invention Fair, British Invention Show, Pitsburgh Remodelling Expo, Invention and New Product Exposition dan Germany International Trade Fair Ideas.

Selain itu, KPT telah mengambil langkah proaktif dan inovatif melalui penyusunan semula pelaksanaan penyelidikan mengikut keutamaan dan bidang-bidang strategik. Penstrukturan semula dilaksanakan melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara.

Soalan No: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) apakah garis panduan keselamatan bagi program-program yang melibatkan sekolah khususnya aktiviti yang dibuat di luar kawasan sekolah; dan

(b) adakah Kerajaan masih lagi membenarkan aktiviti sekolah diadakan di luar kawasan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus membenarkan murid-murid menjalankan aktiviti di luar sekolah jika pihak sekolah akur dengan arahan-arahan dan garis panduan yang ditetapkan. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas KPM Bil. 5 Tahun 2016 - Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Luar Kawasan Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti murid di luar kawasan sekolah dilaksanakan dengan kebenaran pentadbir sekolah mengikut prosedur yang telah ditetapkan serta mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang telah dikeluarkan iaitu:

1. SPI Bil. 12 Tahun 2000: Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan;
2. SPI Bil. 5 Tahun 2002: Lawatan Sekolah Pada hari Persekolahan; dan
3. SPI Bil. 5 Tahun 2007: Garis Panduan Lawatan Murid

Selain daripada itu, KPM juga mengeluarkan buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat kepada semua sekolah KPM. Di dalam buku tersebut dinyatakan tatacara murid, guru dan ibu-bapa/penjaga sebagai garis panduan yang harus dipatuhi ketika menjalankan aktiviti di luar kawasan sekolah.

RJM17

Soalan No: 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) mengapakah sehingga kini Kerajaan masih belum mengiktiraf UEC walaupun semua isu teknikal telah diselesaikan seperti yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Chong Sin Woon pada 4 Februari 2017; dan

(b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam usaha menjayakan pengiktirafan UEC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) telah dijawab berulang kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam dewan yang mulia ini. UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

NO. SOALAN: 25

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan bagi membantu kedudukan kewangan sekolah Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) di seluruh negara serta adakah terdapat apa-apa peruntukan khas yang disediakan bagi membantu sekolah KAFA yang tidak mendapat peruntukan kewangan dari pihak Kerajaan negeri.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk menambahbaik pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) memandangkan ia merupakan pendidikan asas Islam secara formal paling awal dalam fasa kehidupan kanak-kanak asas bagi pembentukan akhlak dan nilai murni murid-murid di peringkat rendah.

Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan berbagai usaha untuk mempertingkatkan kecemerlangan Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA). Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah semua guru-guru KAFA telah menikmati kenaikan elaun dari RM800 sebulan kepada RM900 sebulan berkuatkuasa pada tahun 2017. Kerajaan juga menyediakan peruntukan khas untuk tujuan latihan guru, pembelian alat bantu mengajar dan buku rujukan kepada semua guru KAFA sejak tahun 2009 hingga kini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 26

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

(a) sama ada Kerajaan akan menetapkan satu harga siling atau harga maksimum, untuk tiket penerbangan domestik memandangkan rakyat Sarawak tiada pilihan lain selain daripada MASwings bagi pesawat seperti Sibu-Miri, Sibu-Kota Kinabalu, Sibu-Bintulu dan sebagainya; dan

(b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi dan membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Namun begitu, bagi perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak, kadar tambang yang dikenakan adalah berdasarkan harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

(b) Bagi mengurangkan beban rakyat di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services* – RAS) di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan

daripada bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax* – GST).

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* – MAVCOM) pada 1 Mac 2016 sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah berhubung perlindungan pengguna (*consumer protection*) di mana MAVCOM bertanggungjawab untuk mengendalikan aduan dan tuntutan pengguna mengenai penerbangan awam, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika pengguna berdasarkan tahap perkhidmatan minimum (*minimum service level*) dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kod etika tersebut. Oleh yang demikian, pengguna boleh membuat aduan kepada pihak MAVCOM sekiranya menghadapi masalah kadar harga tiket penerbangan yang terlalu tinggi.

Kerajaan melalui MAVCOM juga sedang memuktamadkan kajian semula ke atas perkhidmatan RAS yang turut merangkumi kajian terhadap penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut.

Selain daripada itu, pihak MASwings sendiri turut mengadakan promosi pengurangan harga tambang bagi laluan yang dioperasikan oleh pesawat ATR72-500 seperti *Mid Year Deals* yang boleh didapati daripada semua saluran penjualan tiket

kapal terbang MASwings termasuk melalui laman web dan agen untuk memudahkan penumpang.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
SOALAN	:	**27**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apa perancangan untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar ke rumah-rumah panjang kawasan Ulu Sungai Engkari yang melibatkan 12 buah rumah panjang, 2 buah sekolah dan sebuah klinik kesihatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan projek di kawasan Ulu Sungai Engkari, Kementerian telah menyenaraikan permohonan tersebut untuk pelaksanaan di bawah Rolling Plan ke 2 tahun 2017-2018.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada laporan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB), penyambungan bekalan elektrik ke kampung-kampung baru menggunakan talian 11 kV sedia ada tidak dapat dilaksanakan memadangkan talian tersebut tidak dapat menampung bebanan baru. Jika diteruskan, ia akan menyebabkan berlakunya susutan bekalan *"voltage drop".*

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian sedang merancang untuk melaksanakan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) 33kV Sengkunyit dalam tempoh RMK-11. Pembinaan PPU ini dijangka dapat mengatasi masalah bekalan elektrik di kawasan Ulu Sungai Engkari.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)

TARIKH : 25 JULAI 2017

NO. SOALAN : 28

SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi laporan *Global Peace Index* 2016 oleh Institute for Economics and Peace menyebut bahawa Malaysia termasuk dalam kalangan 30 negara yang paling aman di dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Global Peace Index (GPI) diukur melalui 23 petunjuk kualitatif dan kuantitatif dari sumber yang sah merangkumi tiga domain yang luas seperti berikut:

a) tahap keselamatan dan jaminan keselamatan dalam masyarakat bagi sesebuah negara;
b) sejauh mana berlakunya konflik politik dalaman dan antarabangsa bagi sesebuah negara; dan
c) tahap kekuatan ketenteraan bagi sesebuah negara.

Antara beberapa faktor yang mempengaruhi laporan GPI 2016 yang meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 negara terbaik adalah seperti berikut:

i) Dari segi konflik dalam negara, Malaysia juga dianggap sebagai negara yang kurang mengalami konflik dalaman yang agak serius dan mengancam di mata dunia yang turut menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat negara ini.

ii) Komitmen penglibatan Malaysia dalam misi-misi keamanan dunia juga turut memberikan imej positif kepada negara ini dan meletakkannya sebagai salah sebuah negara yang mementingkan keamanan dunia secara keseluruhannya.

iii) Sikap berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia selama ini di persada antarabangsa telah menyebabkan ketidakterlibatan Malaysia dalam sebarang konflik antarabangsa yang turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016.

iv) Hubungan diplomatik yang baik antara Malaysia dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa juga turut menyumbang kepada kedudukan yang lebih baik kepada Malaysia dalam GPI 2016 kerana Malaysia merupakan salah sebuah negara model yang stabil dari segi politik dan ekonominya walaupun rakyatnya berbilang kaum, agama dan budaya.

Kerajaan Malaysia sentiasa melakukan usaha untuk mewujudkan budaya keamanan dalam minda masyarakat Malaysia melalui pengamalan tiga

prinsip utama iaitu *bargaining*, *negotiation* dan *reconciliation* bagi mengelakkan sebarang pertikaian, konflik dalaman dan keganasan antara kaum bagi menjamin kehidupan rakyat secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	

YB. Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menjaga warisan negara. Di Baling terdapat Galeri Putra tempat berlakunya Perjanjian Baling 1955 di antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng terpaksa ditutup atas faktor keselamatan kerana tiada penyelenggaraan daripada pihak berwajib.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambil segala usaha untuk menjaga warisan negara. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) mewartakan tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) seperti Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar dan lain-lain;

(ii) menyediakan Pelan Pengurusan Pemeliharaan seperti Pelan Pengurusan Pemeliharaan Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong dan Pelan Pengurusan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia Melaka serta George Town;

(iii) melaksanakan kerja-kerja konservasi bangunan dan tapak seperti Rumah Penghulu Mat Natar di Merlimau, Melaka, Bangunan HSBC Melaka dan lain-lain;

(iv) mengangkat warisan yang memenuhi kriteria untuk pengiktirafan antarabangsa terutama sekali di bawah UNESCO seperti Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong dan Bandar Warisan Dunia Melaka serta George Town; dan

(v) melaksanakan program-program kesedaran kepada masyarakat umum seperti Jejak Warisan dan Semarak Warisan.

Tuan Yang di-Pertua,

Galeri Putra di Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Baling, Kedah tidak terletak di bawah Kementerian ini. Ia dibangunkan atas inisiatif pihak sekolah sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui JWN pernah menjalankan kerja-kerja konservasi baik pulih bangunan Galeri Putra ini pada tahun 2007 dengan kos sebanyak RM133,550. JWN juga telah mewartakan sekolah ini pada tahun 2016 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] bagi tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan.

Selain itu, Kementerian ini melalui Arkib Negara Malaysia pernah melaksanakan beberapa langkah/aktiviti pendokumentasian berkaitan Peristiwa Perundingan Baling 1955 seperti berikut:

(i) Pendokumentasian Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, iaitu lokasi di mana Peristiwa Perundingan Baling ini dijalankan;

(ii) Pameran Rundingan Baling 1955 dari 9 Ogos hingga 9 September 1994; dan

(iii) Majlis Pengkisahan Sejarah Rundingan Baling pada 26 Ogos 2000 di Baling, Kedah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN FONG KUI LUN**
[BUKIT BINTANG]

TARIKH : **25 JULAI 2017 (SELASA)**

Tuan Fong Kui Lun [BUKIT BINTANG] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk melonjakkan semula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) ke tahap yang membanggakan berikutan prestasi menurun akibat kemelut dalaman yang melanda sekarang.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan FGV namun Kerajaan mengharapkan Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dapat memainkan peranan masing-masing.

Keputusan FGV memperkenalkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada awal tahun ini dilihat dapat menambah baik operasi perniagaan dan hala tuju masa depan yang lebih realistik mengikut keadaan pasaran semasa serta memberi keyakinan kepada pelabur.

Menerusi SP20 ini, fokus akan dapat diberikan kepada perniagaan teras iaitu perladangan, mengukuhkan kewangan, mengurangkan kos, meningkatkan tadbir urus korporat yang baik dan menambah nilai kepada pemegang-pemegang saham.

Mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas. Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif

dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry* – DI) dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM)

TARIKH : 25.07.17 (SELASA)

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap sekatan yang dilakukan oleh Negara-negara Teluk terhadap Qatar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius bagi mana-mana konflik yang berlaku antara negara yang mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang rapat dengan Malaysia. Kerajaan mengharapkan penyelesaian segera dan menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan kemelut ini.

Kemas kini pada:19.7.17

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau]**
TARIKH	:	**25 Julai 2017 (Selasa)**
SOALAN	:	**32**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

ekoran daripada pergolakan di Marawi, Filipina, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan (ESSCOM) untuk memastikan agar penjenayah daripada negara Filipina tidak dapat masuk ke negeri Sabah dan kedaulatan negara terpelihara.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Pergolakan di Marawi City, Filipina telah tercetus sejak 23 Mei 2017 dan kerajaan Filipina telah mengisytiharkan "Martial Law" di seluruh kawasan Mindanao termasuk Kepulauan Sulu. Sehingga kini dan menurut pihak keselamatan Filipina ; seramai 411 orang dari kumpulan militan, 97 anggota Pasukan Keselamatan Filipina dan 45 orang awam (penduduk) telah mati terbunuh.

Di samping itu, seramai lebih dari 300,00 orang penduduk di Marawi City telah meninggalkan bandar tersebut. Pergolakan masih berterusan dan dianggarkan masih terdaoat seramai lebih kurang 60 orang militan yang masih diburu.

Sehubungan dengan pergolakan yang berlaku di Marawi City, Kerajaan khususnya ESSCOM telah mengambil tindakan berikut :

1. Mempertingkatkan kawalan di perairan sempadan dengan rondaan intensif dan juga mengadakan "coordinated patrolling" dengan pasukan keselamatan Filipina.
2. Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan disyaki tempat pendaratan Pendatang Tanpa Izin di ESSZONE dengan mengadakan Operasi Bersepadu.
3. Mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk dan keluar yang diwartakan seperti Lapangan Terbang dan Pelabuhan di ESSZONE.

Setakat ini, **TIADA TANGKAPAN** terhadap mana-mana orang yang disyaki penjenayah dari Selatan Filipina khususnya militan dari Marawi City, Filipina dan **tiada sebarang ancaman keselamatan disana.**

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menukarkan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai badan bebas yang akan terus melapor kepada Parlimen.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa dan kebebasan mutlak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah diperuntukkan di bawah undang-undang. Hakikatnya kerana, penubuhan SPR adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Umpamanya, Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa keanggotaan SPR hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi dan lima orang anggota suruhanjaya.

Selain itu, Perkara 114 (2), Perlembagaan Persekutuan juga telah menyatakan secara jelas mengenai peri mustahaknya untuk diwujudkan suatu suruhanjaya yang mendapat kepercayaan awam. Oleh yang demikian, selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, setiap pelantikan Anggota SPR perlu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Secara dasarnya, SPR merupakan sebuah institusi di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong yang bertanggungjawab untuk memelihara, mengawasi dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini. Berdasarkan kepada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, fungsi dan peranan SPR adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

(i) Melaksanakan kajian dan persempadanan semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri setiap tidak kurang daripada 8 tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu;

(ii) Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan

(iii) Menjalankan pilihan raya umum ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan.

Justeru, SPR berpandangan bahawa struktur pentadbiran sedia ada masih lagi relevan dan sesuai untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**

TARIKH : **25 JULAI 2017**

RUJUKAN : **9950**

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah diambil Malaysia menangani serta membanteras aktiviti dan ideologi keganasan seperti Daesh, terutama dalam konteks rantau Asean sendiri, berikutan kejadian yang berlaku di Jakarta, Selatan Thailand dan Marawi, Filipina.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran secara tidak langsung telah meningkatkan potensi untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyusup masuk ke Malaysia.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau

media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

(a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;

(b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;

(c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan

(d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG

KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH** **[PUTATAN]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (selasa)**

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [PUTATAN] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) apakah jenis-jenis pelaburan yang telah dibuat oleh Felda Global Ventures (FGV) dan adakah pelaburan yang dibuat oleh FGV ini mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan dan peneroka FELDA ;

(b) jumlah keuntungan yang dicatat dalam tempoh 10 tahun lepas dan siapakah yang menerima manfaat tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat penyenaraian FGV pada 2012 adalah untuk menjadikan syarikat berkenaan antara syarikat perladangan terbesar dunia menjelang 2020 sekali gus memberi nilai tambah kepada pemegang-pemegang saham.

Bagi mencapai hasrat berkenaan, pelaburan FGV fokus kepada tiga sektor perniagaan utama iaitu Perladangan, Gula dan logistik & Lain-lain (LO).

Bagi sektor perladangan, pelaburan utama yang telah dilakukan adalah pembelian Asian Plantation Ltd, Pontian United Plantation dan Golden Land Berhad dengan tujuan menambahbaik profil umur pokok Kumpulan.

Bagi sektor Gula, FGV telah menguasai 51% pegangan saham dalah MSM Holdings Berhad yang merupakan peneraju gula bertapis Malaysia. Manakala bagi Sektor LO, FGV telah mengambangkan perniagaan seperti logistik, penyimpanan dan perniagaan sokongan lain bagi meningkatkan sumbangan keuntungan dari sektor bukan sawit.

Pelaburan-pelaburan ini dijangka memberi pulangan jangka panjang yang stabil kepada FGV dan juga pemegang-pemegang saham.

Berdasarkan pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam tiga sektor berkenaan, berikut adalah prestasi keuntungan yang direkodkan oleh FGV sejak 2012 hingga 2016 selain jumlah dividen yang dikeluarkan kepada pemegang saham.

Tahun	Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (RM' juta)	Dividen sesaham (sen)	Jumlah Dividen (RM' juta)
2012	805.95	14	510.72
2013	982.25	16	583.68
2014	325.49	10	364.80
2015	182.32	4	145.92
2016	31.47	1	36.48

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (36)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	25 JULAI 2017 [SELASA]
DARIPADA	:	YB DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]

SOALAN :-

YB Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **sejauh manakah usaha Kementerian dalam menjadikan Malaysia sebagai negara bersih ke arah Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar menjelang 2020 serta apakah standard kualiti sistem pengurusan sisa pepejal yang dikuatkuasakan supaya dapat memastikan pengurusan sisa pepejal berjalan dengan sempurna.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak menetapkan sebarang dasar khusus seperti Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar menjelang Tahun 2020 dalam perancangan pelupusan sisa pepejal. Kementerian berpandangan bahawa sasaran untuk mencapai tapak pelupusan terbuka sifar menjelang tahun 2020 adalah kurang relevan pada masa ini kerana memerlukan peruntukan pembangunan dan operasi yang tinggi. Sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dengan kapasiti 100 tan sehari memerlukan peruntukan pembangunan sekitar RM45 juta dan peruntukan pengurusan sebanyak RM1.1 juta setahun. Selain itu, ketiadaan tapak yang bersesuaian dan kos pengambilan tanah yang tinggi juga menyumbang kepada tapak pelupusan baharu sukar untuk dibina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, negara hanya mempunyai 18 buah tapak pelupusan sanitari manakala selebihnya iaitu 136 tapak adalah merupakan tapak pelupusan terbuka. Kementerian sedang

membina tapak-tapak pelupusan sisa pepejal sanitari baharu dengan kos pembangunan keseluruhan bagi projek-projek tersebut adalah sebanyak RM151.5. Tapak-tapak pelupusan yang sedang dibina adalah seperti berikut:

i) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat Johor;

ii) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Mersing, Johor;

iii) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Rompin, Pahang; dan

iv) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Beufort, Sabah.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menguruskan sisa pepejal secara bersepadu dan kos efektif yang memberikan penekanan terhadap konsep *Reduce, Reuse and Recycle* (3R) dan rawatan perantaraan serta pelupusan akhir. Selain itu, teknologi yang dicadangkan bagi tujuan rawatan perantaraan dan pelupusan akhir mestilah terbukti, mampu bayar dan mesra alam. Oleh itu, pihak Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan beberapa teknologi yang bersesuaian untuk diaplikasikan ke dalam negara ini termasuk teknologi insinerator.

Kementerian juga bercadang untuk membina beberapa fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu di Semenanjung Malaysia yang akan dilengkapi dengan sistem pengasingan sisa, sistem rawatan sisa pepejal seperti

insinerator, *Anaerobic Digester* dan lain-lain jenis rawatan, serta akhir sekali, tapak pelupusan. Teknologi-teknologi yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk digunapakai jika teknologi tersebut memenuhi 3 syarat yang telah ditetapkan Kementerian iaitu terbukti, mesra alam dan "*value for money*".

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SOALAN (37)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	25 JULAI 2017 [SELASA]
DARIPADA	:	DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]
SOALAN	:	

YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang dalam mengadakan siri dialog TN50 bersama rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Ini mampu dalam memastikan setiap suara dan pandangan serta hasrat rakyat kita didengari.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Khas Transformasi Nasional 2050 (TN50) telahpun mengadakan perbincangan dengan Kementerian Luar Negeri untuk turut melakukan *engagement* dengan diaspora Malaysia di luar negara bagi mengumpul aspirasi TN50. Rentetan itu, sesi Dialog Menteri Luar Bersama Rakyat Malaysia di United Kingdom telahpun diadakan pada 7 Julai 2017. Menteri Belia dan Sukan juga telah melakukan *engagement* secara *video conferencing* bersama belia Malaysia di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom bagi mendapatkan input golongan belia ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Bagi memastikan perbelanjaan berhemah, Kerajaan menumpukan usaha mengumpulkan aspirasi rakyat Malaysia di luar negara dengan memanfaatkan saluran komunikasi secara dalam talian. Sebagai contoh, Kementerian Luar Negeri telah melancarkan pertandingan fotografi bertemakan "*My Aspiration, My Future*" di link https://mytn50.com/globalmalaysians untuk penyertaan rakyat Malaysia

di luar negara. Sesi *engagement* akan diteruskan bersama rakyat Malaysia di negara-negara yang lain.

Sekian, terima kasih.

25 Julai 2017

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebenarnya bidang tugas baru Menteri dengan Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dan elaunnya. Mengapa tugas baru itu tidak dapat dipikul oleh sembilan Menteri dan tiga Timbalan Menteri yang sedia ada di Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan anggota kabinet adalah di bawah prerogatif YAB Perdana Menteri mengikut keperluan semasa. Peranan YB Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas adalah seperti mana yang telah dipertanggungjawabkan kepada beliau oleh YAB Perdana Menteri dari masa ke semasa selain menggalas tugas sebagai Menteri di Kementerian Pertahanan.

Setiap menteri yang dilantik mempunyai portfolio serta bidang tugas masing-masing yang telah dikhususkan. Melalui pengkhususan tersebut, menteri-menteri yang dilantik pastinya akan dapat menjalankan tanggungjawab mereka secara lebih fokus dan efisyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saran dan elaun Menteri-menteri adalah seperti yang dinyatakan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN (PARIT)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam menstabilkan nilai Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang pada tahun 2015 dan 2016 bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia sahaja.Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS.

2. Pada tahun 2017, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat

sebanyak 4.5% (sehingga 17 Julai 2017) berbanding dolar AS. Ini disebabkan oleh kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

3. Selain penurunan nilai mata wang dolar AS, peningkatan nilai mata wang Ringgit sejak awal tahun ini turut disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

5. Kesan langkah-langkah tersebut dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF) dalam pasaran luar pesisir telah berkurang. Volatiliti nilai ringgit juga telah

berkurang dengan ketara. Pertukaran mata wang asing bersih daripada eksport telah meningkat sejak Disember 2016. Pada bulan Mei 2017, pertukaran asing bersih berjumlah USD 1.1 bilion.

6. Pada bulan April 2017, FMC bersama-sama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon. Selain itu, langkah tersebut juga memberi lebih fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan ringgit dan seterusnya mengukuhkan kadar pertukaran ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

8. Bagi memastikan kadar pertukaran mata wang ringgit lebih kukuh,

Kerajaan akan terus memberi tumpuan meningkatkan daya tahan, kepelbagaian dan daya saing ekonomi. Kadar pertukaran nilai ringgit dijangka lebih kukuh setelah faktor luaran semakin stabil.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
SOALAN	:	**40**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian merancang untuk menyediakan peluang-peluang kontrak kepada kontraktor kelas kecil (berdaftar CIDB gred G1) melalui peruntukan-peruntukan kecil bagi menyelesaikan masalah-masalah masyarakat luar bandar.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian telah melaksanakan projek-projek kecil bagi tujuan penyediaan infrastruktur di kawasan luar bandar di bawah Projek Jalan Kampung (PJK) dan Program Ameniti Sosial (PAMS).

Projek-projek kecil ini merangkumi kerja-kerja tidak melebihi RM500,000.00 bagi kontraktor Gred G1 (RM200,000.00 dan ke bawah) dan Gred G2 (Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00).

Walau bagaimanapun, tatacara perolehan perlulah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK2.1).

NO. SOALAN: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

TARIKH : **26 JULAI 2017 | SELASA**

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan harga bidaan yang dikemukakan AirAsia, Malaysia Airlines dan Saudi Arabian Airlines bagi tender menyediakan penerbangan jemaah haji bagi setiap tahun 2010 hingga 2017 dan pembida yang dipilih bagi setiap tahun itu.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara syarikat penerbangan yang pernah dipelawa menyertai tender penerbangan Cartar Haji oleh Tabung Haji di antara tahun 2005 hingga 2017 adalah seperti berikut :-

1. Royal Jordanian Airlines
2. Etihad Airways
3. Emirates Airlines
4. Gulf Air
5. Saudi Arabian Airlines
6. Egypt Air
7. Oman Air
8. Qatar Air
9. Royal Brunei Airlines
10. Malaysia Airlines
11. Air Asia
12. Flynas

Dimaklumkan juga, syarikat penerbangan Cartar Haji yang dilantik dari tahun 2005 hingga 2016 adalah Malaysia Airlines dan Saudi Arabian Airlines. Manakala, bagi tahun 2017 syarikat yang dilantik adalah Malaysia Airlines dan Flynas (syarikat penerbangan Arab Saudi).

Setiap pembida yang dipilih bagi memberikan perkhidmatan penerbangan kepada jemaah haji negara, bukan sekadar mengambilkira harga yang ditawarkan, tetapi juga mengambilkira tahap keselesaan, hak pendaratan pesawat (*landing right*), kemampuan penggantian pesawat serta pematuhan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]**

TARIKH : **25 Julai 2017**

SOALAN : **(Dr. Ismail Bin Daut) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Tindakan yang akan diambil untuk menangani masalah kekurangan kawasan penanaman padi khususnya di kawasan Merbok.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedar bahawa pada masa ini ancaman pembangunan kawasan padi semakin meningkat di Negeri Kedah termasuk di Merbok. Dalam usaha menangani masalah kekurangan kawasan penanaman padi ini, Kerajaan negeri sebenarnya bertanggungjawab untuk mengezonkan kawasan penanaman padi. Bagi memastikan ubah syarat penggunaan tanah, pihak MADA perlu dilibatkan di dalam Mesyuarat Kebenaran Merancang (KM) bersama Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan sesuatu pembangunan di kawasan sawah berhampiran tidak menjejaskan aktiviti tanaman padi di kawasan tersebut.

NO. SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

TARIKH : **25 JULAI 2017 | SELASA**

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan terkini pegangan ekuiti Tabung Haji di dalam Putrajaya Perdana Berhad dan bagaimanakah RM193 juta suntikan ekuiti itu telah dibelanjakan dari 2014 hingga 2017 (dengan perincian perbelanjaan).

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di -Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Disember 2014 sehingga kini, Lembaga Tabung Haji (***TH)*** mempunyai pegangan ekuiti sebanyak 30 peratus di dalam Putrajaya Perdana Berhad.

Pelaburan ***TH*** dibuat melalui pembelian 30 peratus saham sedia ada Putrajaya Perdana Berhad daripada Cendana Destini Sdn Bhd dengan nilai RM193.5 juta, secara *Offer for Sale*. Oleh yang demikian, tidak ada apa-apa suntikan atau aliran dana / wang dari ***TH*** ke dalam akaun Putrajaya Perdana Berhad. ***TH*** juga tidak memberi sebarang pinjaman kewangan kepada Putrajaya Perdana.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 44

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

TARIKH : **25 JULAI 2017 [SELASA]**

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permohonan perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh Mahkamah Syariah pada tahun 2010 hingga 2017. Adakah latar belakang sosial ekonomi, agama, bangsa, luar bandar atau bandar mempunyai impak besar yang menyebabkan mereka berkahwin di bawah umur.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kuasa berkaitan hal ehwal Islam termasuklah urusan kebenaran perkahwinan oleh Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah permohonan perkahwinan bawah umur yang diluluskan oleh

Mahkamah Syariah hendakalah dirujuk kepada negeri-negeri berkenaan.

Ingin saya jelaskan, bahawa perkahwinan bawah umur tidak dibenarkan dalam Islam kecuali dengan persetujuan Mahkamah Syariah atas sebab-sebab yang dibenarkan dan bukan kebenaran secara total. Ini diperuntukan dalam Akta/Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri. Misalnya Seksyen 8 dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984 (Akta 303). Bagi pihak-pihak yang memohon perlu mendapat persetujuan kedua-dua pihak ibubapa masing-masing dan Mahkamah Syariah akan memberi pertimbangan berdasarkan persetujuan tersebut. Dalam Islam, bersekedudukkan tanpa nikah atau berzina adalah diharamkan, maka perkahwinan sedemikian dibenarkan bagi mengelakkan perzinaan.

Mengenai jumlah bilangan perkahwinan bawah umur, bagi Wilayah Persekutuan, berdasarkan semakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, jumlah bilangan permohonan perkahwinan bawah umur yang telah diluluskan dari tahun 2010 sehingga kini adalah sebanyak 238 kes.

Berhubung dengan punca yang menyebabkan mereka berkahwin pula, sehingga kini belum ada kajian yang menyeluruh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan di Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menunjukkan bahawa latar belakang sosial ekonomi, luar bandar serta bandar dan sebagainya mempunyai impak yang menyebabkan mereka berkahwin di bawah umur.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes permohonan perkahwinan bawah umur yang tidak dibenarkan atau tidak diluluskan oleh Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan atas beberapa alasan antaranya seperti berikut:

i. pemohon didapati tidak mampu menanggung nafkah isteri;.
ii. laporan akhlak yang diterima daripada pihak sekolah mengenai pemohon tidak memuaskan; dan

iii. kefahaman pemohon mengenai ilmu agama termasuklah berkenaan ilmu rumahtangga yang tidak mencukupi atau memuaskan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN :

DATO' NGEH KOO HAM [Beruas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan jumlah Perintah Perlindungan (PO) yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah kepada mangsa keganasan rumah tangga dari tahun 2010 hingga sekarang. Berapakah rumah perlindungan untuk mangsa keganasan telah disediakan setiap negeri.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merekodkan sebanyak **2393 Perintah Perlindungan Interim (IPO)** dan **138 Perintah Perlindungan (PO)** dikeluarkan oleh mahkamah kepada mangsa keganasan rumah tangga bagi tahun 2010 hingga 2016.

Berikut adalah pecahan **IPO** mengikut tahun:

Tahun	Bil IPO yang dikeluarkan oleh mahkamah
2010	356
2011	325
2012	301
2013	218
2014	385
2015	306
2016	506
Jumlah	**2393**

Berikut adalah pecahan **PO** mengikut tahun:

Tahun	Bil PO yang dikeluarkan oleh mahkamah
2010	2
2011	15
2012	2
2013	8
2014	25
2015	34
2016	52
Jumlah	**138**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan kebajikan mangsa yang memerlukan perlindungan terbela, tempat selamat yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 adalah sebanyak **43 buah** bagi seluruh Malaysia. Berikut adalah jumlah tempat selamat mengikut negeri:

NEGERI	JUMLAH
Sarawak	5
Selangor	5

NEGERI	JUMLAH
Johor	5
Terengganu	4
Perak	5
Kedah	3
Sabah	4
Pahang	3
Negeri Sembilan	2
WP Labuan	2
Kuala Lumpur	1
Kelantan	1
Melaka	1
Perlis	1
Pulau Pinang	1
JUMLAH	**43**

SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan perbelanjaan percutian Perdana Menteri dan keluarganya di Bali dan Perth dalam bulan Jun dan Julai 2017. Pihak mana yang membiayai kesemua kos percutiannya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya menanggung kos perbelanjaan melibatkan program/lawatan rasmi sahaja manakala elaun dan kelayakan lain bagi YAB Perdana Menteri adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID (KUALA KANGSAR)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme cara kutipan cukai pelancongan yang akan diguna pakai bagi memberi faedah yang maksima kepada negeri-negeri yang dipromosikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1) Cukai Pelancongan akan dikutip oleh semua premis penginapan yang berdaftar yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Seksyen 10 Akta Cukai Pelancongan 2017 menetapkan tiap-tiap premis

penginapan hendaklah berdaftar di bawah Akta ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh kuatkuasa Akta Cukai Pelancongan 2017. Hasil kutipan cukai ini akan disalurkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam tempoh bercukai yang telah ditetapkan selaras dengan seksyen 7 dan seksyen 18 Akta Pelancongan 2017. Kutipan hasil seterusnya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

2) Pelaksanaan cukai pelancongan ini adalah bertujuan untuk menjana hasil termasuklah bagi membiayai aktiviti meningkatkan pembangunan infrastruktur pelancongan serta perkhidmatan yang dapat dimanfaatkan oleh pelancong serta rakyat keseluruhannya. Hasil cukai ini juga dapat membantu Kerajaan dalam mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan kempen pelancongan secara lebih berkesan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia yang berpotensi besar dalam sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Soalan No: 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UNGGAH EMBAS [BETONG]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) berapakah peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak; dan

(b) bilakah projek akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Sejumlah peruntukan diluluskan bagi membaik pulih sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak dalam RMKe 11 dengan kos siling yang diluluskan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM19,000,000.00.

b) Sebanyak 50 buah projek baik pulih sekolah daif disenaraikan untuk pelaksanaan tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2016, pelaksanaan adalah sebanyak 20 buah sekolah. 16 buah projek telah siap dan empat (4) buah projek masih dalam pembinaan. Manakala pada

tahun 2017 pula sebanyak 30 buah projek sedang dalam pelaksanaan, 26 buah projek dalam pembinaan dan empat (4) buah projek lagi adalah di bawah JKR negeri Sarawak yang sedang di proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

RJM14

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN TONY PUA KIAM WEE**

[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : **25 Julai 2017 (Selasa)**

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab FELDA masih ingin meneruskan pembelian saham Eagle High Plantation walaupun Laporan 'due deligence' oleh KPMG mendedahkan pelbagai masalah syarikat Eagle High, termasuk hutang terlampau tinggi, defisit aliran tunai, penyata kewangan kurang tepat dan saiz ladang yang melampaui hak milik.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembelian pegangan 37% ekuiti dengan *Put Option* di dalam PT Eagle High Plantation Tbk (PT EHP) dilaksanakan oleh salah sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA, iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP). Pembelian pegangan ini adalah menurut dan selaras dengan *Memorandum and Articles of Association* FICP.

Faktor utama yang mempengaruhi keputusan FICP untuk melaksanakan pembelian ini adalah kerana ia selari dengan matlamat pelaburan jangka panjang FELDA untuk muncul sebagai pemain utama dan terbesar di dalam sektor minyak sawit global.

Selain itu, pelaburan ini juga dilihat akan memberi manfaat kepada kepentingan Malaysia, terutamanya dalam menyokong usaha strategik Malaysia-Indonesia berkaitan penubuhan dan pengukuhan pelaksanaan Piagam Penubuhan Majlis Minyak Negara-negara Pengeluar Minyak Kelapa Sawit (CPOPC) antara kedua-dua buah negara. Malaysia dan Indonesia telah menandatangani CPOPC pada bulan November 2015 yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit serta menangani isu-isu berkaitan minyak kelapa sawit. Dengan pemeteraian CPOPC tersebut, FELDA yang merupakan agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor kelapa sawit telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk

mewujudkan hubungan perniagaan dengan kumpulan Rajawali di Indonesia bagi memacu agenda CPOPC.

Cadangan pelaburan FICP dalam EHP ini memainkan peranan penting dalam menyokong penubuhan CPOPC dan pelaburan tersebut adalah demi kepentingan Malaysia (*best interest of Malaysia*). Faedah pelaksanaan CPOPC kepada Malaysia adalah seperti berikut.

i) Meningkatkan imej positif minyak sawit; dan
ii) Menjadi satu platform kepada negara-negara penanam sawit bagi bekerjasama menangani isu-isu halangan perdagangan minyak sawit dan pembangunan industri sawit secara mapan.

Di samping itu, langkah strategik ini dapat memberi peluang kepada FELDA untuk mendapat akses kepada tanah di Indonesia di mana EHP memiliki kira-kira 320,000 hektar tanah termasuk 125,000 hektar yang sudah di tanam. Ini juga merupakan peluang terakhir bagi FICP dan Malaysia atau mana-mana pihak asing untuk membeli syarikat Indonesia yang mempunyai bank tanah yang luas.

Pelaburan tersebut juga membolehkan FELDA menembusi pasaran domestik Indonesia yang mempunyai 260 juta penduduk di mana melalui pembelian pegangan ekuiti ini, Kumpulan FELDA mempunyai potensi perniagaan baru dan sinergi dalam bidang semaian, baja, urusniaga minyak sawit mentah dan lain-lain aktivi hiliran.

Bagi memastikan pelaburan dan kepentingan FELDA dan FICP terpelihara, FICP telah melaksanakan proses kajian terperinci (*due diligence*) sebelum memeterai perjanjian dengan EHP, di mana beberapa konsultan profesional termasuk KPMG dan peguam telah

dilantik bagi menilai keseluruhan aspek pembelian ini. FICP juga mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sebelum menandatangani perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan pembelian saham ini.

Oleh itu, FICP telah mengambilkira pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang berkaitan dan dikuatkuasakan dalam terma serta syarat dalam perjanjian-perjanjian dengan pihak Rajawali bagi melindungi kepentingan khususnya FICP, FELDA dan Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Agama Islam di kawasan Parlimen Kudat memandangkan masalah ini sering disuarakan oleh masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Said masih mampu menampung keperluan masyarakat daerah Kudat. Pada masa ini, enrolmen murid SMKA Tun Said adalah seramai 422 orang berbanding kapasiti sebenar sekolah sebanyak 500 orang. Berdasarkan data permohonan calon SMKA ke tingkatan satu tahun 2017, murid daerah Kudat yang memohon ialah seramai 73 orang dan hanya 8 orang calon yang menerima tawaran. Walau bagaimanapun KPM akan mengkaji keperluan sekolah menengah agama baharu pada masa hadapan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan kelulusan agensi pusat.

NO. SOALAN : 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIM** **[BUKIT KATIL]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akim [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan kewangan serta pencapaian FELDA sepanjang 10 tahun yang lalu sehingga kini. Adakah keadaan kewangan FELDA mencukupi dan boleh mandiri. Berapakah wang Kerajaan dari segi pinjaman atau jaminan yang telah dihulurkan kepada FELDA semenjak 5 tahun yang lalu.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan FELDA sebagai salah sebuah Badan Berkanun yang melaksanakan program pembangunan tanah dan pembangunan masyarakat memerlukan peruntukan dana yang besar. Bagi melaksanakan agenda nasional ini, FELDA telah mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan serta Institusi Kewangan antarabangsa. Kesemua bayaran balik pinjaman tersebut serta faedah telah dijelaskan sepenuhnya dalam tahun 2000 iaitu 20 tahun lebih awal daripada jadual pembayaran kembali yang sepatutnya dibuat dalam tahun 2001 sehingga 2020. Ini bermakna di dalam tempoh bermula tahun 2000, FELDA tidak mempunyai tanggungan liabiliti hutang dengan Kerajaan atau mana-mana institusi kewangan.

Pada Disember 2009, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah meluluskan pinjaman berjaminan kerajaan kepada FELDA sebanyak RM6,500.00 juta. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membiayai keperluan FELDA dan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Keputusan untuk mendapatkan pembiayaan daripada KWSP dibuat setelah FELDA meneliti rasional keperluan pembiayaan pada masa itu.

Jumlah bayaran prinsipal dan keuntungan yang perlu diselesaikan adalah berdasarkan jadual pembayaran yang telah dikeluarkan oleh KWSP. FELDA dijangka akan menyelesaikan keseluruhan prinsipal dan keuntungan kepada KWSP pada tahun 2023. Sehingga kini, FELDA tidak mempunyai sebarang masalah dalam membayar semula prinsipal dan keuntungan pinjaman KWSP ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, FELDA telah melaksanakan pemakaian FRS mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit. Seterusnya, FELDA telah mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambil kira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambil kira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
[PAYA BESAR - BN]

TARIKH : **25 JULAI 2017 (SELASA)**

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini persiapan Sukan SEA 2017 yang ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee - MASOC) Kuala Lumpur 2017 (KL2017) kini sudahpun berada di fasa terakhir untuk persiapan menghadapi temasya sukan ini. MASOC sedang giat memastikan kesempurnaan persiapan Malaysia menyambut tetamu dari luar negara agar temasya ini dapat dijalankan dalam suasana yang amat baik terutamanya dari segi penginapan, makanan, penyampaian pingat dan lain-lain lagi.

2. Pada masa yang sama, MASOC juga sedang mempergiatkan promosi kepada orang ramai dalam memastikan sokongan jitu rakyat Malaysia kepada para atlet negara akan terserlah sewaktu temasya ini berlangsung. Misalnya, penjualan tiket KL2017 kini dibuka, di mana setakat ini, sambutan yang menggalakkan telah direkodkan. Contohnya, tiket seperti ke pertandingan bola jaring telah habis dijual pada hari pertama ia dibuka kepada orang ramai.

3. Aktiviti lain seperi Larian Obor sedang berlangsung dan akan tamat pada 12 Ogos 2017. Bahang temasya KL2017 juga sudah semakin hangat dengan pelancaran Kiraan Detik 30 Hari Ke KL2017 baru-baru ini.

4. MASOC juga sedang membuat persiapan bagi upacara pembukaan dan penutupan KL2017. Pihak yang bertanggungjawab juga telah memulakan kerja di Stadium Nasional Bukit Jalil untuk tujuan ini, dengan latihan peserta yang terdiri dari ribuan anak muda yang mengambil bahagian sedang giat dijalankan.

5. Dari segi persediaan atlet, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telahpun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan dengan memberikan "empowerment" kepada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program.

6. Program ini juga telah melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa Pertama** bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** bermula dari April sehingga Ogos 2017. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan pada 6 dan 7 Jun yang lalu, seramai **871 orang atlet** akan mewakili Negara ke Temasya Sukan SEA 2017 yang akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan.

7. Bagi Sukan Para ASEAN pula, Program persediaan atlet Para **Fasa Pertama** bermula pada **Januari 2016 sehingga Disember 2016**, **Fasa Kedua** bermula dari **Januari 2017 sehingga Mei 2017** dan **Fasa Ketiga** bermula dari **Jun 2017 sehingga September 2017**.

8. Sehingga kini, keseluruhan atlet adalah seramai 546 atlet para dengan bimbingan 136 jurulatih/penggerak untuk pemilihan ke Para ASEAN KL 2017.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 53

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]**

TARIKH : **25 Julai 2017 (Selasa)**

SOALAN : **Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** apakah bentuk perancangan jangka pendek dan panjang disediakan bagi meningkatkan lagi pengeluaran buah mempelam harum manis yang menjadi 'Trade Mark' negeri Perlis yang mana permintaannya sangat tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan lagi pengeluaran Mangga Harumanis yang menjadi 'Trade Mark' Negeri Perlis. Antara perancangan jangka pendek adalah seperti berikut :

a) **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lembah Chuping**

Pengeluaran akan ditingkatkan dengan perluasan kawasan penanaman melalui pembukaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lembah Chuping pada tahun 2015 dengan keluasan 157 hektar melibatkan 60 orang petani.

b) **Projek Kluster Mangga Harumanis**

Projek ini ini bermula pada tahun 2014 dan kawasan yang telah dibangunkan adalah seluas 306.8 hektar melibatkan 545 orang petani dengan pengeluaran 703.9 tan.

c) **Model Penanaman Mangga Harumanis**

Model Penanaman Mangga Harumanis dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Mempelam Bukit Bintang dan Kompleks Pertanian Bukit Bintang. Pada tahun 2016, seluas 81.97 hektar kawasan telah dibangunkan dengan pengeluaran sebanyak 20 tan.

d) **Pemantauan oleh Jabatan Pertanian**

Bagi meningkatkan kualiti buah, Jabatan Pertanian sentiasa memastikan petani melaksanakan amalan pertanian baik serta menjalankan aktiviti pembajaan, cantasan, pengurusan air, penjarangan dan pembungkusan, pengurusan perosak dan penyakit serta pengendalian lepas tuai mengikut syor yang ditetapkan.

e) **Pelaksanaan *traceability***

Traceability dilaksanakan dengan memperkenalkan kod keselamatan buah bagi mengurangkan kecurian yang berlaku di kalangan petani. Kod ini telah digunakan oleh 64 orang petani pada musim ini bagi memastikan buah mereka tidak dicuri dan boleh dikenalpasti semula sekiranya hilang.

Antara perancangan jangka panjang pula adalah seperti berikut :

a) Memperluaskan Projek Kluster Mangga Harumanis dengan tambahan keluasan 240 hektar bagi tempoh 2018-2020 dan melibatkan 180 orang petani.
b) Jabatan Pertanian bekerjasama dengan UNIMAP dan MARDI dalam usaha mengenalpasti benih Mangga Harumanis yang terbaik untuk dibiakkan dan diedarkan kepada petani.

c) Mempromosikan Mangga Harumanis untuk dieksport ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong dan China. Setakat ini, perbincangan telah dilaksanakan dengan wakil dari Singapura dan Hong Kong.

SOALAN NO. 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Menteri-Menteri Kabinet serta Timbalan-Timbalan Menteri yang tidak berkelulusan kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan mana-mana anggota Jemaah Menteri atau Timbalan Menteri adalah atas prerogatif YAB Perdana Menteri yang mengambil kira pelbagai pertimbangan antara lain kelayakan, pengalaman dan kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 55

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]**

TARIKH : **25 Julai 2017 (Selasa)**

SOALAN : **Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk transformasi dan pemodenan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pertanian yang terdiri daripada sub sektor agro makanan dan komoditi industri dalam memastikan ia mampu menyumbang di dalam KDNK serta mempunyai bekalan makanan yang mencukupi pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam merealisasikan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi sektor pertanian yang terdiri daripada subsektor agro makanan, beberapa strategi telah dilaksanakan seperti berikut:

(i) Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan pekebun kecil;

(ii) Meningkatkan latihan dan pembangunan;

(iii) Memperkukuhkan sokongan institusi dan khidmat pengembangan;

(iv) Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian di sepanjang rantaian bekalan;

(v) Menambahbaik akses pasaran dan logistik;

(vi) Memperluas akses pembiayaan pertanian; dan

(vii) Mempergiatkan program insentif berasaskan prestasi dan pensijilan.

Objektif Dasar Agromakanan Negara 2011–2020 turut mensasarkan kepada jaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat untuk dimakan. Bagi mencapai usaha ini, tumpuan akan diberikan bagi meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan serta meningkatkan akses kepada makanan.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mencapai strategi seperti di atas adalah:

(i) Projek pengeluaran makanan secara berskala besar dan komersial melalui projek-projek permulaan (Entry Point Project-

EPP) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) seperti Projek Taman Pengeluaran Makanan, Penternakan Akuakultur Melalui Sangkar Bersepadu dan memperkukuh tanaman padi bagi menjamin bekalan makanan negara;

(ii) Menggalakkan penggunaan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil sebagai contoh penggunaan *combine harvester* dan mesin pengeringan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran jagung bijirin;

(iii) Mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mengurangkan kehilangan lepas tuai serta peningkatan intensiti tanaman;

(iv) Menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda;

(v) Menyediakan bantuan modal dalam bentuk pinjaman dan geran kepada individu yang layak melalui Agro Bank dan Tekun Nasional untuk projek permulaan dan pengembangan;

(vi) Menggalakkan aktiviti menambah nilai produk industri asas tani untuk menjana pendapatan tambahan bagi usahawan, petani, penternak dan nelayan; dan

(vii) Meningkatkan tahap keselamatan hasil pertanian melalui pematuhan kepada pensijilan amalan pertanian baik (myGAP) dan pembangunan ladang organik.

NO SOALAN :56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMUR)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes-kes yang melibatkan penyelewengan atau salah-guna kaedah tuntutan balik pembayaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sedang disiasat dan telah didakwa di Mahkamah sejak pelaksanaan sistem cukai GST tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 April 2015 sehingga kini, sebanyak 12,592 kertas siasatan telah dibuka oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 (Akta

762). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,574 kes telah didakwa di mahkamah termasuk 154 kes berkaitan penyelewengan atau penyalahgunaan kaedah di dalam proses tuntutan pembayaran balik kredit cukai input. Daripada jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah, sebanyak 874 kes telah diputuskan dan dijatuhkan hukuman denda di mana jumlah keseluruhan denda yang terlibat adalah sebanyak RM2.7juta.

SOALAN (57)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	25 JULAI 2017 [SELASA]
DARIPADA	:	YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD [MERSING]

SOALAN :-

YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **kewajaran cadangan memberi kebenaran terhadap syarikat pemaju perumahan untuk menyediakan pinjaman kepada pembeli rumah dan apakah perkembangan terkini cadangan tersebut**.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan lessen pemberi pinjam wang kepada syarikat pemaju perumahan ini bukanlah merupakan satu perkara yang baharu kerana sehingga tarikh 15 Julai 2017, terdapat sebanyak 66 pemaju perumahan yang telah menubuhkan anak syarikat untuk beroperasi sebagai pemberi pinjam wang (PPW) berlesen. Antaraya ialah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melalui anak syarikat SPNB Dana Sdn Bhd, SP Setia Bhd Group melalui anak syarikat SP Setia Technology Sdn Bhd dan UEM Land Berhad.

Kelulusan ini adalah alternatif Kerajaan dalam membantu bakal pembeli rumah untuk mendapatkan sumber pembiayaan sebagai deposit pembelian rumah terutamanya bagi yang berkemampuan untuk membayar balik pinjaman namun tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk membayar deposit tersebut.

Pemaju perumahan perlu berdaftar atau menubuhkan anak syarikat yang akan menjalankan fungsi sebagai pemberi pinjam wang (PPW) berlesen dan tertakluk kepada Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 atau Akta 400 di bawah seliaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seperti juga dengan mana-mana PPW yang lain.

Bagi memperkemaskan lagi Akta sedia ada khususnya peruntukan-peruntukan berkaitan perkara ini, perbincangan atau *engagement* dengan pemegang taruh yang terlibat sedang giat dijalankan oleh pihak Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

SOALAN (58)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	25 JULAI 2017 [SELASA]
DARIPADA	:	YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]
SOALAN	:	

YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat menggubal satu dasar supaya modal insan hari ini harus dilatih bagi memastikan kesediaan untuk berfungsi dalam era Revolusi Industri ke 4 dan apakah persediaan Malaysia untuk berhadapan dengan Revolusi Industri ke 4 ini yang bakal mengubah pelbagai aspek kehidupan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada ketika ini sedang berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan memberi galakkan kepada industri untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan profil teknologi dalam operasi mereka yang memerlukan pekerja mahir. Kerajaan juga lebih selektif dalam menarik pelaburan dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Bagi mempersiapkan modal insan negara untuk berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0, beberapa pendekatan telah diambil secara proaktif. Antaranya:

i) Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) yang menjadi platform kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri untuk mengenalpasti keperluan modal insan dan jurang kemahiran kritikal agar isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh turut dapat ditangani dengan segera. Turut dijalankan adalah kerjasama di antara JKI dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) di universiti untuk mewujudkan kerjasama dan perkongsian maklumat yang

lebih baik di antara Kerajaan dan IPT dalam menentukan dan memadankan keperluan dan permintaan guna tenaga dalam pasaran buruh;

ii) Pelaksanaan program peningkatan dan mempelbagaikan kemahiran (upskilling and multiskilling) untuk tenaga kerja sedia ada akan dipergiat untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat terhadap pekerja berkemahiran tingg; dan

iii) Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Kritikal (CSC) yang dipengerusikan bersama oleh Talent Corporation dan ILMIA. Jawatankuasa Kerja ini akan membantu Kerajaan untuk menentukan kemahiran kritikal yang diperlukan serta pendekatan baru untuk menentukan jurang kemahiran dalam pasaran buruh.

Di samping itu, bagi mencapai aspirasi menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa program-program yang ditawarkan oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Swasta (ILKS) akan terus ditambah baik supaya memenuhi keperluan semasa industri. Program-program sedia ada akan terus diperkasakan dengan mengambil kira sembilan tonggak Revolusi Industri 4.0 seperti analisis data besar (big data analytics), keselamatan siber dan robot automasi.

Sebagai contoh, pihak German-Malaysian Institute (GMI) telah mula memperkenalkan program-program latihan berasaskan Revolusi Industri 4.0 bagi memastikan tenaga kerja negara dilengkapi dengan kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk mengendalikan pelbagai peralatan baharu ini. GMI telah menandatangani memorandum kerjasama bersama German Innovation Centre for Industry 4.0 bagi penubuhan makmal Innovation Centre for Industry 4.0 atau dikenali sebagai Ifactory 4.0. Makmal berkenaan merupakan "Learning Factory" pertama yang dibangunkan di Asia Tenggara berdasarkan konsep pengeluaran terkini (latest production concept) berasaskan piawai German Industry 4.0. Makmal ini berfungsi sebagai bengkel latihan bagi program berkaitan injection moulding technology yang ditawarkan di GMI.

Pada masa yang sama, kebanyakan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Malaysia didapati masih belum menguasai Revolusi Industri Ketiga. Dalam hal ini, Penang Skills Development Centre (PSDC) merupakan antara peneraju ILKS yang berjaya mewujudkan kesedaran dalam kalangan industri terhadap kemunculan Revolusi Industri 4.0. Justeru, PSDC bertindak menyediakan platform untuk membentuk rangkaian (networking), kerjasama di masa hadapan serta memacu keperluan pasaran dalam kalangan pengeluar/pembekal, vendor,

system integrators dan penggguna. Bagi tujuan pembangunan tenaga mahir, PSDC akan mewujudkan Centre of Excellence bagi Revolusi Industri 4.0 yang akan diterajui oleh PKS serta disokong oleh technology principals.

Di bawah *Rolling Plan 3*, RMKe-11, kementerian yang berkaitan telah memohon untuk melaksanakan program-program berkaitan Revolusi Industri 4.0. Cadangan program-program ini akan diberi pertimbangan sewajarnya supaya hasrat Kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang berdaya saing dapat dipenuhi seiring dengan perkembangan semasa dunia.

Di samping itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah salah satu dari tiga kementerian utama yang bertanggungjawab merangka dasar berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). MITI telah mensasarkan untuk pelancaran dokumen berkaitan dengan dasar dan program IR4.0 menjelang Disember 2017 untuk meningkatkan adaptasi teknologi IR4.0 dalam kalangan komuniti industri tempatan.

Sekian, terima kasih.

25 Julai 2017

NO. SOALAN : 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG** **[MARANG]**
TARIKH	:	**25 Julai 2017 (SELASA)**

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk melantik firma audit bebas untuk mengaudit FGV dan menyiasat permasalahan yang berlaku selain daripada melantik Dato' Seri Idris Jala mengetuai siasatan bagi pihak Kerajaan dan kenapa Kerajaan tidak menubuhkan Suruhanjaya Bebas atau Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat permasalahan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry* – DI)

dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Peneroka.

Setakat ini, Kerajaan melihat tiada keperluan untuk melantik firma audit bebas atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI).

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
SOALAN	:	**60**

PR-1352-L01976

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah layaran atau views portal 'sebenarnya.my' yang dilancarkan 14 Mac 2017 lalu dan setakat mana maklum balas diberikan kepada portal itu yang bertindak sebagai pusat sehenti bagi rakyat Malaysia untuk menyemak dan menyalurkan maklumat mengenai berita yang tidak ditentukan kesahihannya, yang diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog serta laman sesawang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, portal Sebenarnya.MY yang dilancarkan pada 14 Mac 2017 lalu diwujudkan bagi membudayakan amalan menyemak maklumat atau *"fact checking"* agar masyarakat lebih "celik fakta" dan waspada sebelum bertindak menyebarkan berita yang

tidak ditentusahkan. Portal yang membawa slogan "Tidak Pasti, Jangan Kongsi" ini membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya, sama ada diterima melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang, dan sebagainya.

Sejak dari tempoh pelancaran hingga akhir Jun 2017, portal Sebenarnya.MY dilihat mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum berdasarkan jumlah layarannya iaitu sebanyak 7.94 juta.

Selain itu, aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal Sebenarnya.MY oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif mengenai keberkesanan portal ini dalam membantu Kerajaan menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sahih atau palsu dalam talian.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAMBIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**61**

YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah syarat lulus Bahasa Melayu dilonggarkan bagi pelantikan secara kontrak jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41 sedangkan ianya selaras dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu kelulusan Bahasa Melayu telah pun selesai ditangani oleh Kerajaan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2017 yang memutuskan bahawa:

(1) kelonggaran syarat kelayakan Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah ditarik balik dan kekal sepertimana yang diperuntukkan dalam syarat skim perkhidmatan Pegawai Perubatan; dan

(2) Keputusan ini termasuk juga bagi urusan pelantikan Pegawai Perubatan kontrak Gred UD41.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini Kementerian memohon pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu ini bagi tujuan untuk membolehkan graduan perubatan melaksanakan latihan siswazah sebagaimana keperluan Akta Perubatan 1971.

Di bawah Seksyen 13(2), Akta Perubatan 1971 telah ditetapkan bahawa seseorang graduan perubatan yang diberi Pendaftaran Sementara oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) bagi tujuan menjalani dan melengkapkan *housemanship*. Pada masa ini latihan *housemanship* dilaksanakan selama 2 tahun dan hanya boleh dilaksanakan di Hospital Kerajaan sahaja sebelum boleh diberi Pendaftaran Penuh sebagai Pegawai Perubatan terlatih.

Sementara itu, di bawah Seksyen 40, Akta Perubatan 1971 turut menetapkan bahawa Pegawai Perubatan perlu menjalani perkhidmatan wajib selama 2 tahun setelah diberi Pendaftaran Penuh bagi membolehkan mereka mengamal sebagai doktor perubatan di Malaysia sama ada di sektor awam atau swasta.

Mengambil kira keperluan graduan perubatan perlu menjalani siswazah, sebelum boleh dipertimbangkan Pendaftaran Penuh, maka pengecualian syarat lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM telah diberi kepada graduan berkenaan hanya bagi tujuan lantikan kontrak sahaja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan lantikan tetap, mereka perlu lulus Bahasa Melayu.

Pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan di KKM dilaksanakan mulai 5 Disember 2016. Sehingga 17 Julai 2017, seramai 4,604 graduan Perubatan dari IPTA dan IPTS dari dalam dan luar negara telahpun dilantik. Hanya 7 graduan perubatan tidak mempunyai kelulusan Bahasa Melayu di peringkat SPM telahpun dilantik. Manakala, 16 graduan lagi telah berdaftar dengan SPA dan urusan pelantikan mereka dijangkakan pada masa akan datang selepas mereka memenuhi syarat lulus Bahasa Melayu.

Soalan No: 62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan Surat Kementerian Pelajaran Bertarikh 7hb Januari 1976 (Perkeliling Ikhtisas Bil. 2/1976 - Potongan Rambut Murid-Murid) masih dikukuhkan dan jika masih, apakah tindakan Kementerian terhadap beberapa sekolah-sekolah yang telah melanggar pekeliling tersebut dan melaksanakan pemotongan rambut secara '3-2-1' kepada murid-murid lelaki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang meneliti surat pekeliling berkaitan potongan rambut yang sedang diperhalusi oleh pejabat Peguam Negara melalui Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid). Pada masa sekarang, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1976; Potongan Rambut Murid-Murid masih kekal. KPM juga sentiasa memantau pematuhan pihak sekolah terhadap peraturan dan garis panduan potongan rambut murid seperti yang telah ditetapkan.

RJM18

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
SOALAN	:	**63**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pelaksanaan naik taraf jalan dari gravel kepada aspal di Kampung Skim Pamalan Keningau sejauh 2.3km dan Kampung Padang Tembak Keningau sejauh 3.2km seperti yang diumumkan oleh YB semasa lawatan kerja ke kawasan ini tahun 2016 yang lalu.

JAWAPAN :

Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan menaik taraf jalan dari gravel kepada aspal di Kampung Skim Pamalan Keningau sejauh 2.3km dan Kampung Padang Tembak Keningau sejauh 3.2km belum tersenarai dalam kelulusan projek RMKe11.

Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum dan siasatan anggaran kos dan skop akan dilaksanakan sebelum diangkat kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi kelulusan pelaksanaan akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

NO SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 25 JULAI 2017
SOALAN : 64

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

(a) bilakah hospital baru di Kampar yang telah diluluskan oleh kabinet pada tahun 2012 akan dibina; dan

(b) apakah sudah berlaku dengan bajet RM150 juta yang diperuntukkan untuk hospital baru tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri pada 30 Mei 2012, telah meluluskan pelaksanaan projek Hospital Kampar menggunakan kaedah Kerjasama Awam Swasta. Walau bagaimanapun Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Mac 2014 telah membatalkan cadangan pelaksanaan Hospital Kampar secara kaedah Kerjasama Awam Swasta dan memutuskan agar projek tersebut dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan secara

berfasa di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Seterusnya, pada masa yang sama Kementerian dimaklumkan mengenai cadangan pembinaan sebuah hospital swasta yang bukan berasaskan keuntungan (non profit) dimana jarak tapak hospital yang dicadangkan adalah lebih kurang 4 kilometar daripada tapak cadangan pembinaan Hospital Kampar oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, lokasi tapak bagi projek pembinaan Hospital Kampar berkapasiti 150 katil adalah di Bandar Agacia, Taman Kampar Putra iaitu kawasan bekas lombong seluas 100 ekar dimana komposisi tanah berkenaan adalah 40 peratus tanah dan 60 peratus air. Mengambilkira faktor tapak yang akan memerlukan peruntukan yang tinggi bagi tujuan rawatan tanah dan pada masa yang sama terdapat cadangan pembinaan sebuah hospital oleh UTAR, maka Kementerian Kesihatan tidak meneruskan cadangan pembinaan Hospital Kampar.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan bekerjasama dengan pihak UTAR dan memberikan khidmat nasihat dalam pembangunan hospital tersebut. Kementerian ini juga bersedia menimbangkan permohonan pihak UTAR agar beberapa perkhidmatan (R*adiotheraphy, Bone Marrow Transplant, Advanced Cell-based Theraphy for Cancers, Stem Cells for Regenerative Medicine and Cardiothoracic Surgery*) diambil kira sebagai perkhidmatan Hospital Kerajaan sebaik sahaja Hospital ini siap dan beroperasi kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum Daerah Kampar memang memerlukan hospital Kampar yang baru bagi menggantikan hospital sediada. Perancangan tersebut telah dikaji bersekali dengan hasrat pihak Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang bercadang membina sebuah hospital pengajar di Daerah Kampar pada masa yang sama. Oleh itu, bagi memastikan penggunaan kemudahan hospital baru Kampar yang akan dibina (samaada oleh pihak kerajaan atau swasta) dapat dioptimakan, kementerian sedang menyusuli pelaksanaan cadangan pembinaan hospital pengajar oleh pihak UTAR tersebut.

SOALAN NO.: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**65**

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

a. apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar, doktor, jururawat dan pembantu perubatan yang sering berlaku terutamanya di Hospital Bintulu; dan

b. apakah perancangan jangka panjang dan pendek Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar di seluruh negara yang amat serius.

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan anggota kesihatan khususnya melibatkan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan termasuk pakar, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan bagi memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

Berdasarkan pengisian bagi tahun 2010 dan 2015, secara keseluruhannya terdapat peningkatan bilangan pengisian sebanyak 54% (melibatkan 38,234 anggota) bagi 3 skim perkhidmatan iaitu skim perkhidmatan Pegawai Perubatan termasuk pakar, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan. Jumlah peningkatannya adalah seperti berikut:

i. Pegawai Perubatan Bukan Pakar sebanyak 81 peratus (13,014).
ii. Pakar Perubatan sebanyak 61 peratus (1,591).
iii. Penolong Pegawai Perubatan sebanyak 41 peratus (3,692).
iv. Jururawat sebanyak 46 peratus (19,937).

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2015 dan seterusnya, peningkatannya adalah terhad selaras dengan Inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum. Kerajaan akan sentiasa berusaha mengkaji keperluan pengisian 3 skim tersebut dan anggota kesihatan. Pengisian anggota kesihatan Pegawai Perubatan akan terus dilaksanakan selaras dengan keperluan perkhidmatan, pertambahan penduduk, perubahan demografi, pertambahan bilangan penyakit, pewujudan perkhidmatan baru

serta peningkatan ekspektasi rakyat, bilangan jawatan sediaada perlu ditambah mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai pengisian tiga skim di atas di Hospital Bintulu, dalam tempoh tersebut memang telah wujud peningkatan, secara keseluruhannya terdapat peningkatan bilangan pengisian sebanyak 76% (melibatkan 221 anggota) bagi 3 skim perkhidmatan iaitu skim perkhidmatan Pegawai Perubatan termasuk pakar, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan. Jumlah peningkatannya adalah seperti berikut:

i. Pegawai Perubatan Bukan Pakar sebanyak 238 peratus(81).
ii. Pakar Perubatan sebanyak 183 peratus (11).
iii. Penolong Pegawai Perubatan sebanyak 6 peratus (2).
iv. Jururawat sebanyak 58 peratus (127).

Tuan Yang di-Pertua,

b) Antara usaha yang telah diambil Kementerian dalam meningkatkan bilangan Pakar Perubatan dan mengekalkan mereka dalam perkhidmatan Kerajaan di seluruh negara adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan pengambilan Pegawai Perubatan menjalani program sarjana kepakaran kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 slot mulai tahun 2015.

(ii) Menggalakkan Pegawai Perubatan yang berminat untuk menjadi pakar menjalani latihan kepakaran melalui program laluan paralel.

(iii) Melantik semula Pegawai Perubatan Pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

(iv) Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

(v) Mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara sesional.

(vi) Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

(vii) Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

(viii) Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran iaitu seramai 150 setahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN YANG KE-13

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

NO. SOALAN : 66

SOALAN : Minta **Perdana Menteri** menyatakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menggalakkan kesederhanaan dan pluralisma di negara ini sejajar dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi mencegah Malaysia dari menjadi tapak yang subur bagi pembiakan ekstremisme dan keadaan-keadaan yang tidak disukai (*intolerance*).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Perpaduan telah menjadi kekuatan negara ini. Kita telah menyaksikan sendiri banyak negara yang musnah akibat ketegangan hubungan etniknya sehingga berakhir dengan konflik berterusan. Namun, bagi Malaysia, masih tetap aman dan harmoni. Ini kerana Malaysia berupaya mengurus kepelbagaian selaras dengan dasar-dasar dan rancangan kerajaan yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Antara rancangan dan dasar tersebut ialah:

a) Pembentukan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada November 2013 di mana ahli-ahlinya terdiri dari wakil-wakil pelbagai golongan masyarakat membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan perpaduan nasional terus kekal melalui penyediaan ***Blueprint*** **Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan** yang telah mengenalpasti 9 matlamat utama dan 16 cadangan sebagai asas bagi mengukuhkan perpaduan dan meningkatkan hubungan antara kaum melalui penekanan kepada sikap kesederhanaan, kesamarataan dan pluralisma.

b) Kesungguhan Kerajaan merencana **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** dan menjemput semua rakyat Malaysia khasnya golongan muda rakyat Malaysia pelbagai kaum untuk berkongsi suatu idaman membentuk sebuah negara yang maju dan makmur serta rakyatnya yang hidup aman damai dan bersatu padu demi mengelakkan sikap ekstremisme dan keadaan-keadaan yang tidak disukai (*intolerance*).

c) Inisiatif Kerajaan dalam merangka **Pelan Strategik Wasatiyyah 2016 – 2020** yang merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif yang telah meletakkan **Pendekatan Wasatiyyah sebagai Dasar Negara** yang akan dipraktikkan dalam setiap faktor pentadbiran negara supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan dan menjauhi dari terlibat dengan sebarang kegiatan ekstremisme.

d) Mengadakan program dan aktiviti bersama badan-badan bukan kerajaan serta kumpulan-kumpulan keagamaan untuk mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan ***World Interfaith Harmony Week,*** **International Day for Peace dan Hari Toleransi Sedunia** (***International Tolerance Day***). Melalui sambutan ini yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah pluralisma dan kesederhanaan.

e) **Program Demi Negara** yang menekankan kepada penghayatan Rukun Negara sebagai asas perpaduan nasional melalui program **MyRukun Negara dan program Silang Budaya** diperkenalkan di 1,781 Tabika Perpaduan dan 6,068 Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah, di peringkat menengah serta 150 Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA dan IPTS yang sememangnya bertujuan menanamkan sikap kesederhanaan dan menghalang dari terlibat dalam kegiatan ekstremisme.

f) **Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan** secara berterusan kepada rakyat Malaysia dengan penglibatan diterajui oleh syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGOs) melalui produk dan perkhidmatan kepada masyarakat agar mesej-mesej ini terus dihayati bersama bagi menyemarakkan semangat perpaduan

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melakukan pelbagai usaha dan inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara Malaysia sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara tetapi sebaliknya yang paling penting adalah rakyat sendiri harus berfikiran positif bagi menerima pluralisma yang sedia wujud dengan minda yang terbuka dan menghakis sebarang fahaman ekstremisme yang wujud dalam diri mereka.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**67**

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik jumlah premis yang dikenakan tindakan penguatkuasaan dalam operasi 'serbu premis tawar terapi ozon' dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan semua perkhidmatan rawatan dan perubatan berkenaan ditawarkan oleh salun kecantikan dan pengamal perubatan mendaftar dan mendapat kelayakan lesen daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, buat masa sekarang tiada premis yang dikenakan tindakan penguatkuasaan memandangkan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan sedang menjalankan pemantauan bagi mendapatkan maklumat lanjut sama ada premis-premis tersebut masih beroperasi ataupun tidak. Kementerian Kesihatan akan terus memantau aktiviti terapi ozon secara berterusan.

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah memanggil dua pembekal utama mesin terapi ozon bagi memaklumkan dan menerangkan mengenai keperluan pendaftaran peranti perubatan dan prlesenan establismen seperti yang di peruntukkan di dalam Seksyen 5 dan 15 Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**68**

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek berkaitan, status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta hospital Sri Aman. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat mengikut kontrak. Nyatakan sebab utama kelambatan projek tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek Hospital Umum Sarawak, Hospital Sri Aman dan Hospital Petrajaya.

Bagi maksud Projek Cadangan Menaiktaraf Hospital Umum Sarawak (HUS) secara Kerjasama Awam Swasta - *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) melalui kaedah perolehan *Swiss Challenge* yang melibatkan pembangunan kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat dan lain-lain kemudahan fasiliti kesihatan, kontrak Perjanjian Konsesi (CA) telah dimeterai di antara Kerajaan dan Pemaju Projek pada 28 April 2017. Pihak Pemaju Projek, iaitu Syarikat Asaljuru Weida Sdn. Bhd., kini dalam proses untuk memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dalam tempoh sembilan (9) bulan yang dipersetujui dalam CA. Pembinaan fizikal dijangka bermula pada tahun 2018 dengan tempoh pembinaan selama tiga (3) tahun dan diikuti oleh tempoh konsesi selama 17 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Projek Hospital Sri Aman (108 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

<u>Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah</u>

Kos Projek	:	RM8,434,391.09
Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional Perunding
Kaedah Perolehan	:	Tender Terbuka
Kontraktor	:	Golden Matrix Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak	:	30-07-2012
Tarikh Siap Sebenar	:	29-08-2013

Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan

Kos Projek	:	RM213,155,864.42
Kaedah Pelaksanaan	:	Konvensional Perunding
Kaedah Perolehan	:	Tender Terhad
Kontraktor	:	Faltech Engineering Sdn. Bhd. JV Welfield Services Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak	:	26-10-2015
Tarikh Siap Semasa	:	25-10-2018
Kemajuan Projek (sehingga 30 Jun 2017)	:	Jadual: 56% Sebenar: 31% (Lewat 218 hari)
Sebab-sebab Kelewatan Projek	:	1) Kerja penanaman cerucuk bagi blok utama lewat mula disebabkan oleh pertukaran jenis cerucuk. 2) Koordinasi kerja Mekanikal dan Elektrikal yang tidak efisien menyumbang kepada kelewatan kerja. Sebagai contoh kelewatan dalam mengemukakan permohonanan kelulusan bahan, ketiadaan koordinator Mekanikal dan Elektrikal serta kelewatan dalam pengemukaan lukisan kerja. 3) Bilangan pekerja yang ditempatkan di tapak adalah tidak mencukupi untuk mencapai sasaran kerja kontraktor seperti di dalam Program Kerja. 4) Pihak kontraktor masih belum mengemukakan *Method of Statement* bagi kerja micropile untuk tujuan ulasan

pihak perunding dan kelulusan Pengarah Projek.

5) Perlantikan bagi kerja Wang Kos Prima masih belum dimuktamadkan.
6) Strategi pengurusan kontraktor yang tidak menunjukkan usaha untuk mengoptimumkan sumber di tapak.

Tindakan yang telah Diambil oleh pihak JKR :

1) Mengadakan mesyuarat koordinasi dan pemantauan di tapak secara mingguan untuk mengukur pencapaian mingguan pihak kontraktor dan meneliti perancangan kerja akan datang pihak kontraktor (perancangan mingguan).
2) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan kerja.
3) Mesyuarat *Problem Solving Governance* (*PSG*) telah memutuskan bahawa pihak kontraktor perlu mencapai kemajuan fizikal minimum sebanyak tiga peratus sebulan bermula April sehingga Jun 2017. Sekiranya peratus kemajuan itu tidak dicapai, Notis Untuk Tujuan Penamatan akan dikeluarkan.
4) Memantau pelan kerja pemulihan kontraktor.
5) Dalam proses pertimbangan permohonan lanjutan masa oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Projek Hospital Petrajaya (300 Katil) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek	:	RM500,000,000.00
Kaedah Pelaksanaan	:	Reka dan Bina
Kaedah Perolehan	:	Rundingan Terus
Kontraktor	:	Zecon Berhad
Tarikh Milik Tapak	:	30-05-2013
Tarikh Siap Semasa	:	09-06-2017
Kemajuan Projek (sehingga 25 Jun 2017)	:	Jadual: 100% Sebenar: 48.06% (Lewat 318 hari)
Sebab-sebab Kelewatan Projek	:	1) Masalah kekurangan pekerja di tapak. Kumpulan pertama pekerja asing dari China seramai 46 orang telah dibawa masuk ke tapak pada 25 Mei 2017 bagi melaksanakan kerja-kerja senibina (kerja bata dan plastering) 2) Lantikan sub-kontraktor Mekanikal dan Elektrikal lambat, dan telah menjejaskan kemajuan kerja di tapak. 3) Pengurusan kontraktor yang lemah. Kontraktor utama masih tidak berupaya mengikut *Work Programme* dan pelan pemulihan.

Tindakan yang telah Diambil oleh pihak JKR	:	1) Mengeluarkan surat amaran mengenai kemajuan kerja. 2) Memantau pelan kerja pemulihan kontraktor. 3) Pengarah Projek telah mengeluarkan Notis untuk mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*) pada kadar RM89,506.85/sehari pada 25 Mei 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 69

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin**
[Padang Besar]

TARIKH : **25 Julai 2017**

SOALAN : **Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:

apakah tindakan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam membantu petani harumanis untuk memasarkan hasil pertanian mereka ke peringkat luar negara dan apakah usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kualiti buah ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian (DOA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang mendapatkan akses pasaran bagi mangga harumanis ke negara Brunei Darussalam dan Korea Selatan setelah eksport harumanis ke negara Jepun dilaksanakan mulai tahun 2010.

Antara usaha yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran mengenai mangga harumanis di luar negara adalah melalui program galakan pemasaran yang dilaksanakan menerusi medium *in-store promotion,* penyertaan di dalam festival dan ekspo serta *trial shipment.*

Bagi memastikan kualiti buah terjamin, mangga harumanis yang dieksport hendaklah diperolehi daripada ladang-ladang yang telah mempunyai sijil *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) serta mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan (GPL).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN ANUAR BIN ABD MANAP**
[SEKIJANG – BN]

TARIKH : **25 JULAI 2017 (SELASA)**

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap persediaan penganjuran temasya Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 dan berapakah jumlah semasa tajaan yang telah diterima bagi penganjuran temasya tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017 – KL2017) di bawah Kementerian Belia dan Sukan diterajui oleh Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) Kuala Lumpur 2017 yang mempunyai 18 jawatankuasa kecil. Ia kini berada di fasa terakhir dalam semua perkara, seperti persiapan lokasi pertandingan, termasuklah menguji pelbagai kemudahan dan peralatan di lokasi-lokasi tersebut. Kerja-kerja persiapan bagi upacara perasmian dan penutupan KL2017 juga sedang giat dilaksanakan.

2. Anggota MASOC dari pelbagai kementerian dan agensi juga sedang sibuk memastikan tugasan mereka dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin. Contohnya, bagi memastikan persiapan keselamatan berada di tahap tertinggi, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang menjaga perihal keselamatan dan trafik sewaktu KL2017 juga telah mengadakan pelbagai latihan. Antaranya, ialah latihan ex Rimau dalam meningkatkan tahap kesiapsiagaan mereka menghadapi sebarang ancaman telah berlangsung pada 10 Julai 2017 yang lalu di KLCC. Sebelum itu, latihan yang sama telah diadakan di KL Sports City (KLSC), Pusat Pelayaran Kebangsaan Langkawi dan Taman Endurance Antarabangsa Terengganu (TIEP).

3. Larian Obor yang kini sedang berlangsung juga dijangka akan tamat pada 12 Ogos ini. KBS juga telah mengadakan kiraan detik 30 hari ke KL2017 pada 20 Julai 2017 di Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Semua ini dianjurkan demi menyemarakkan lagi semangat bangkit bersama di kalangan rakyat Malaysia sempena Kuala Lumpur 2017.

4. MASOC telah berjaya mencapai sasaran awal penajaan iaitu pencapaian sebanyak 103% atau RM82.7 juta berbanding RM80 juta yang telah ditetapkan sebelum ini. Daripada jumlah itu, pecahan penajaan yang diterima daripada 15 rakan penaja adalah sebanyak RM25 juta dalam bentuk wang tunai manakala selebihnya dalam bentuk barangan dan cenderahati.

5. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **871 orang atlet** (iaitu seramai 481 atlet lelaki dan 390 atlet wanita) dari **38 jenis sukan** akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh 392 jurulatih, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai 1263 orang.

6. Bagi persediaan atlet Sukan Para ASEAN pula, seramai **371 atlet** para sedang menjalani latihan **Fasa Ketiga** yang bermula dari **Jun 2017 sehingga September 2017** dengan pemantauan seramai 128

jurulatih/penggerak. Jumlah muktamad **penyertaan atlet dan kontinjen Para ASEAN** akan diumumkan selepas selesai Mesyuarat "Pre-DRM" untuk semua negara bertanding yang dijadualkan pada 27 hingga 29 Julai 2017 bagi tujuan penyenaraian akhir acara sukan yang akan dipertandingkan berdasarkan kepada syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
RUJUKAN	:	**9955**

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tiada sebarang tindakan diambil ke atas Ketua Polis Negara yang mengakui beliau dan keluarga beliau ada berhubung dengan penjenayah yang ditangkap di Melaka oleh SPRM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut berkaitan perkara ini memandangkan kes berkenaan masih dalam siasatan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan terserah atas budi bicara pihak SPRM sama ada untuk memanggil Ketua Polis Negara memberikan keterangan atau sebaliknya.

NO. SOALAN : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 72

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal perairan Laut China Selatan di Sarawak dari pencerobohan nelayan asing dan berapa banyak tangkapan bot nelayan asing sejak Januari 2017 hingga sekarang bagi negeri Sarawak sahaja.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia Coast Guard (Maritim Malaysia) amat memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan Negara khususnya negeri Sarawak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Agensi bagi memastikan semua aset dapat beroperasi sepanjang masa seperti berikut:

a) Pada masa kini *Malaysia Coast Guard* (MCG) telah meningkatkan rondaan dan kehadiran dengan mengoperasikan 6 buah vesel setiap hari bagi Wilayah Maritim Sarawak sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot nelayan asing disamping mengekalkan 70% kesiapsiagaan aset sedia beroperasi pada setiap masa;

b) *Malaysia Coast Guard* juga menjalankan kerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri Sarawak bagi menangani kegiatan mencuri hasil tangkapan laut milik negara. Justeru, isu berkaitan pencerobohan bot nelayan asing di laut dapat ditangani dengan lebih berkesan berdasarkan maklumat yang terkini dan tepat;

c) *Malaysia Coast Guard* juga telah menerima sebuah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel* - Kapal Peronda Luar Pantai) daripada kerajaan Jepun iaitu KM ARAU yang mana telah ditempatkan di Jeti Kota Kinabalu, Sabah. Penerimaan kapal ini membolehkan *Malaysia Coast Guard* menzahirkan kehadiran di laut dalam satu jangka masa yang panjang dan mengoptimumkan pengoperasian di perairan Laut China Selatan khususnya perairan Sarawak bagi mengawal kegiatan pencerobohan bot nelayan asing;

d) Selain itu, pengawasan melalui udara juga terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara dari semasa ke semasa; dan

e) *Malaysia Coast Guard* juga menyahut seruan kerajaan dengan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TLDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman laut, dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan keselamatan di perairan Sarawak.

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sebanyak 14 tangkapan bot nelayan asing di perairan Sarawak sehingga 30 Jun 2017 dengan perincian seperti jadual berikut:

SIRI	BOT (NEGARA)	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUMLAH
1	VIETNAM	2	0	0	0	8	4	14

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan syarat-syarat penyelesaian yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan dengan International Petroleum Investment Co (IPIC), sebab-sebab penyelesaian tersebut dan tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula wang dari pihak-pihak yang melakukan kesalahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan

prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

Syarat-syarat penyelesaian itu antara lainnya adalah 1MDB akan membuat pembayaran tertentu kepada IPIC dan akan bertanggungjawab terhadap semua pembayaran faedah akan datang dan pembayaran prinsipal bagi 2 bon terbitan syarikat-syarikat Kumpulan 1MDB yang berakhir pada 2022. Pihak IPIC masih lagi kekal sebagai penjamin ke atas kedua-dua bon tersebut.

Tanggungjawab ini akan dipenuhi oleh 1MDB daripada sumber syarikat, antara lain, menerusi usaha pengewangan unit dana pelaburan yang dimilikinya.

Di samping itu, pihak 1MDB dan IPIC telah bersetuju untuk melaksanakan rundingan secara jujur (*good faith negotiations*, dengan izin) berkenaan dengan wang yang telah dibayar oleh 1MDB kepada entiti-entiti tertentu.

Soalan No: 74

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Paris, Kinabatangan serta bilakah pihak Kementerian merancang untuk pembaikpulihan sekolah-sekolah yang terlalu usang dan daif di Kinabatangan seperti yang berikut, iaitu S.M.K. Sukau, S.K. Bilit, S.K. Abai, S.K. Rancangan Suan Lamba, S.K. Kuala Suan Lamba, S.K. Kg. Suan Lamba, S.K. Sukau, S.K. Sri Ganda, S.K. Kuamut, S.K. Tundun Bohangin, S.K. Sg. Lokan, S.K. Sangau, S.K. Desa Permai, S.K. Litang dan S.K. Tidung/Tabin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum akan keadaan sekolah-sekolah yang terlibat di Kinabatangan, Sabah. Tindakan baik pulih akan diambil setelah mendapat permohonan dan laporan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan bangunan SMK Paris, Kinabatangan ini telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan*

Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Status terkini projek ialah dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (*Development Plan*) daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan. Projek akan mula dilaksanakan sebaik sahaja kelulusan kebenaran merancang daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan diterima oleh KPM.

RJM19

SOALAN NO: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**75**

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit dengan jangkitan Hepatitis C di Malaysia pada setakat ini. Berapakah antara mereka yang dirawat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan ubat sofosbuvir. Apakah kos merawat seorang pesakit Hepatitis C.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 19,275 kes jangkitan Hepatitis C telah dilaporkan sejak 2003 sehingga Disember 2016 dengan sejumlah 2,645 kes jangkitan Hepatitis C baru telah dilaporkan pada tahun 2016 dengan kadar notifikasi 8.57 per 100,000 penduduk. Peningkatan kes hepatitis C dijangka akan terus meningkat dengan peningkatan kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan dalam melaporkan kes hepatitis C.

Ubat sofosbuvir belum disenaraikan dalam Formulari Ubat KKM untuk rawatan hepatitis C kerana kos rawatannya yang tinggi. Buat masa ini kerajaan tidak mampu membiayai kos rawatan Hepatitis C menggunakan sofosbuvir termasuk kombinasinya yang mencecah RM 300 ribu bagi setiap pesakit. Oleh itu, KKM telah mengkaji beberapa kaedah untuk mendapatkan kos rawatan yang mampu ditanggung oleh kerajaan. Usaha untuk meningkatkan akses rawatan hepatitis C di Malaysia yang mampu ditanggung oleh kerajaan telah dirancang dan sedang disediakan untuk mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Pada masa yang sama, KKM dengan kerjasama pihak DNDi (*Drugs for Neglected Disease Initiative*) sedang menjalankan satu kajian klinikal (*clinical trial*) yang melibatkan 280 orang pesakit yang menerima rawatan Hepatitis C menggunakan ubat sofosbuvir pada tahun 2016.

NO SOALAN :76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN (TEMERLOH)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan bagi mengurangkan senarai barangan yang dikenakan cukai dan menurunkan kadar cukai GST ke arah memansuhkan cukai itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar 6%, pada kadar 0% dan dikecualikan GST telah dibuat berdasarkan kajian yang terperinci dan menyeluruh dengan mengambilkira impak kepada rakyat berdasarkan corak perbelanjaan yang meliputi semua golongan

rakyat, aspek layanan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST, sumbangan hasil kepada negara dan pentadbiran GST yang efektif. Secara keseluruhannya, Kerajaan berpandangan layanan semasa berhubung pengenaan GST ke atas barang dan perkhidmatan wajar dikekalkan untuk terus dimantapkan dan ditingkatkan tahap pematuhan.

Selain itu, Kerajaan juga belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang sedia ada iaitu pada kadar 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini dimana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

penerima gaji dalam lingkungan gaji yang paling rendah, merangkumi pekerja dalam semua sektor ekonomi di seluruh negara. Penguatkuasaan yang lebih menyeluruh berkenaan dengan pematuhan undang-undang berkaitan gaji minimum yang sedang disemak semula juga akan dilaksanakan.

Dalam pada masa yang sama, Kerajaan turut proaktif dalam mengambil pelbagai langkah untuk merealisasikan sasaran untuk meningkatkan pampasan pekerja kepada 40% pada tahun 2020. Langkah ini adalah termasuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan memberi galakkan kepada industri untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan profil teknologi dalam operasi mereka yang memerlukan pekerja mahir. Kerajaan juga lebih selektif dalam menarik pelaburan dengan keutamaan kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan dan inovasi. Penubuhan Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) juga merupakan satu platform kerjasama antara pihak Kerajaan dan industri untuk mengenalpasti keperluan modal insan dan jurang kemahiran kritikal agar isu ketidakpadanan dalam pasaran buruh turut dapat ditangani dengan segera.

Di samping itu, pertambahan bilangan pengiktirafan melalui program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (RPL) dan Akreditasi Pembelajaran

berasaskan pengalaman terdahulu (APEL) juga akan turut menyumbang kepada peningkatan gaji pekerja mahir dan pengurangan jurang upah. Berkongsikan matlamat yang sama, pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula (upskilling and reskilling) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang mensasarkan penglibatan para pekerja juga dilihat mampu meningkatkan pengetahuan, kemahiran yang seterusnya dapat meningkatkan pendapatan para pekerja yang terlibat.

Pada ketika ini juga, usaha untuk mengurangkan bilangan pekerja asing adalah mencabar memandangkan beberapa sektor industri yang masih bergantung tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Sebagai contoh, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih belum bersedia untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dan melabur dalam automasi serta menaik taraf jentera dan teknologi. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing berkemahiran rendah kepada maksimum 15% daripada jumlah tenaga kerja dan meningkatkan bilangan pekerja mahir di negara ini bagi mencapai sasaran 35%. Inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dilaksanakan melalui:

SOALAN (77)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 JULAI 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN ARIFIN
[ROMPIN]

SOALAN :

YB DATO' SRI HASAN ARIFIN [ROMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Di antaranya ialah memperkukuhkan daya saing negara tetapi hasil daripada langkah ini, kita dapati tidak dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja tempatan dan menyebabkan gaji mereka tidak meningkat. Sebaliknya kenaikan gaji dalam sektor-sektor tertentu dimanfaatkan oleh pekerja-pekerja asing. Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berterusan dengan menyebabkan kerugian besar kepada rakyat tempatan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pampasan pekerja kepada KDNK daripada 33.6 % pada tahun 2013 kepada 40% pada tahun 2020, setanding dengan negara berpendapatan tinggi dan sederhana yang lain. Pampasan pekerja dijangka meningkat antara lain disebabkan oleh pematuhan terhadap gaji minimum dan semakan semula kenaikan gaji minimum setimpal dengan peningkatan produktiviti dam kos sara hidup.

Ke arah itu, bagi menangani masalah struktur gaji yang rendah pada ketika ini, Kerajaan menerusi Perintah Gaji Minimum 2016 yang diwartakan pada 1 Julai 2016 telah melaksanakan dasar gaji minimum bagi memastikan pekerja menerima gaji yang lebih baik. Kadar gaji minimum bagi Semenanjung Malaysia telah ditetapkan sebanyak RM1,000 sebulan atau RM4.81 sejam manakala bagi Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM920 sebulan atau RM4.42 sejam, melibatkan semua sektor kecuali perkhidmatan domestik atau pembantu rumah. Perintah ini telah memberi manfaat kepada

- penambahbaikan dasar imigresen dan penggajian pekerja asing yang lebih komprehensif dengan mengambil kira keperluan industri dan ekonomi, pada masa yang sama memantau kebajikan pekerja asing;

- menggalakkan semua sektor ekonomi untuk beralih daripada aktiviti berintensifkan buruh kepada aktiviti berasaskan pengetahuan, terutamanya dalam sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan yang pada masa ini yang menggaji lebih daripada 30% pekerja asing;

- memperkemaskan proses penggajian dan pengambilan pekerja asing dengan meletakkannya di bawah satu pentadbiran tunggal untuk mengelakkan kemasukan pekerja asing melalui pelbagai saluran kelulusan; dan

- pemerkasaan pengurusan dan aktiviti penguatkuasaan dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin dengan lebih baik dan berkesan. Penalti yang berat dikenakan kepada majikan yang didapati bersalah menggaji pekerja asing tanpa izin.

Dengan inisiatif-inisiatif yang telah diambil tersebut, matlamat Kerajaan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara akan dapat direalisasi dan seterusnya memanfaatkan pekerja-pekerja tempatan kelak.

Sekian, terima kasih.

25 Julai 2017

SOALAN NO: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**78**

YB Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

a. apakah Kementerian mempunyai rancangan dalam masa terdekat untuk menambah besar bangunan dan kemudahan di Hospital Tawau; dan

b. jika ada, sebutkan kontraktor pelaksana yang sudah dilantik dan apakah kaedah pelantikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sabah. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sabah terutamanya projek naik taraf Hospital Tawau.

Untuk makluman, Projek Naiktaraf Hospital Tawau telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Kos Projek	:	RM253,000,000.00
Skop Projek	:	1) 6 Dewan Bedah (OT); 2) Wad Bedah, Orthopaedik, Maxillofacial, Opthalmology, Burn dan ICU (154 katil) 3) 38 Klinik Pakar; 4) Kecemasan dan Trauma 5) Unit Hemodialisis; 6) *Endoscopy Suite*; 7) Perkhidmatan Sokongan termasuk *Radiology*, *Pharmacy*& CSSD; dan 8) Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan (Group 3 & 4)
Kaedah Pelaksanaan	:	Reka dan Bina
Kaedah Perolehan	:	Tender Terhad
Kontraktor	:	Sri Esbina (M) Sdn Bhd
Tarikh Milik Tapak	:	30-05-2017
Tarikh Siap Semasa	:	25-05-2020

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Pelantikan kontraktor projek adalah melalui kaedah tender terhad yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

SOALAN NO: 79

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]**

TARIKH : **25 Julai 2017 (Selasa)**

SOALAN : **Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** sama ada Kementerian bersedia untuk mengadakan kempen besar-besaran serta menzahirkan program membantu para petani dan penduduk kampung yang memiliki tanah agar tanah-tanah mereka ditanam dengan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan yang boleh menjana pendapatan dan di samping itu mengurangkan kos sara hidup mereka. Adakah Kementerian bersedia untuk membekalkan benih-benih sayuran seperti benih lada, bendi, serai dan lain-lain secara percuma kepada masyarakat kampung ini sebagai galakan agar dapat meningkatkan tahap produktiviti masyarakat kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sentiasa berusaha menggalakkan dan mengadakan kempen bagi membantu para petani dan penduduk kampung yang memiliki tanah untuk ditanam dengan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan yang boleh menjana pendapatan dan sekaligus mengurangkan kos sara hidup mereka. Kempen yang berterusan sentiasa diadakan dari masa ke semasa melalui akhbar, radio, laman Web, facebook dan media sosial lain supaya masyarakat didedahkan kepada kepentingan menanam sendiri tanaman makanan terutamanya sayur-sayuran bagi mengurangkan kos sara hidup di samping dapat menjual hasil tanaman apabila terdapat lebihan pengeluaran.

Kementerian juga telah melaksanakan beberapa projek yang melibatkan pelbagai jenis sayuran dan tanaman kontan bagi membantu para petani dan penduduk kampung menjana pendapatan di samping dapat mengurangkan kos sara hidup. Pada tahun 2017, sebanyak RM5,675,000 telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-sayuran;
ii. Projek Pembangunan Kluster Tanaman Kontan;
iii. Projek Pembangunan Ladang Organik; dan
iv. Projek Ekonomi Gantian Tembakau.

Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk amalan teknologi meliputi pembangunan dan penambahbaikan insfrastruktur asas dan bahan-bahan input ladang. Daripada jumlah peruntukan di atas, sebanyak RM3,100,000 adalah diperuntukkan bagi input pertanian seperti baja, racun, benih tanaman dan alatan jentera kecil. Antara benih tanaman yang diberikan adalah seperti cili, bendi, sawi dan kangkung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada dalam negara adalah sukar untuk diketahui. Semua pendatang yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah pendatang asing yang sah dan memenuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan berterusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui slogan 'Hari-Hari Operasi (HHO)' ke atas premis-premis kediaman, kedai, restoran, tapak pembinaan dan lain-lain telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan PATI diambil tindakan undang-undang sewajarnya. Tangkapan PATI pada tahun 2015 mencatatkan sejumlah 59,734 orang dan pada tahun 2016 adalah seramai 49,496 orang. Bagi tahun 2017 iaitu sehingga 30 Jun 2017, seramai 23,072 orang PATI telah ditangkap.

Manakala, jumlah PATI yang diusir pada tahun 2015 adalah seramai 83,920 orang dan 73,553 orang pada tahun 2016. Bagi tahun 2017 iaitu sehingga 30 Jun, seramai 27,622 orang PATI telah diusir.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini juga, Kerajaan telah melaksanakan Program PATI Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3+1) sejak tahun 2014 bagi menggalakkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela. Bagi tahun 2015 seramai 170,791 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui Program Serah

Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3+1) dan seramai 180,228 orang PATI pada tahun 2016. Sehingga 30 Jun 2017, seramai 104,277 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui Program Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela (Program 3+1).

SOALAN NO: 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**81**

YB Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kementerian akan memperhalus garis panduan waktu bekerja bagi Pegawai Perubatan bagi mengelakkan kes-kes kemalangan Pegawai Perubatan yang pulang selepas bekerja 34 jam tanpa henti.

Tuan Yang di-Pertua,

Waktu Bekerja biasa bagi Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sama seperti penjawat awam yang lain iaitu tertakluk kepada Perintah Am Bab G dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005, tidak lebih dari 9 jam termasuklah waktu rehat.

Bagi memenuhi keperluan pesakit yang memerlukan rawatan dan penjagaan perubatan berterusan di hospital, perkhidmatan perubatan

perlu diberi secara berterusan di mana pegawai perubatan diperlukan untuk bertugas Atas Panggilan, secara Aktif atau Pasif. Pelaksanaan Tugas Atas Panggilan ini adalah mengikut tatacara yang digariskan dalam Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2/1998. Tatacara pelaksanaan Tugas Atas Panggilan yang terbaru telahpun dimantapkan dalam Surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bertarikh 15 September 2016. Pegawai Perubatan dibenarkan berehat atau / *time off* setelah menyelesaikan tugas-tugas di wad atau prosedur yang diperlukan pesakit bagi memastikan kesinambungan dalam rawatan pesakit.

Semua anggota KKM disarankan mengambil berat tentang keselamatan diri mereka dan mengamalkan budaya pemanduan yang selamat, terutamanya selepas tugasan diselesaikan. Jika kelesuan atau mengantuk, mereka disarankan untuk mengambil masa untuk berehat atau tidur sebentar sebelum memandu. Ini adalah untuk memastikan mereka dapat memandu dengan selamat semasa dalam perjalanan pulang.

Sebagai langkah pencegahan, KKM turut berganding bahu dalam mencari penyelesaian dengan agensi-agensi berkaitan contohnya MIROS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Badan-Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

SULIT

NO. SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9957

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan ancaman terhadap Malaysia dalam perkembangan IS di Asia Tenggara.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran secara tidak langsung telah meningkatkan potensi untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyusup masuk ke Malaysia.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

(a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;

(b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;

(c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan

(d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan

masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.

SOALAN NO. 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini anak muda di bawah umur 40 tahun yang belum berdaftar sebagai pemilih mengikut kategori negeri dan pekerjaan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih tetapi masih belum mendaftar sehingga 31 Mac 2017 adalah seramai 3,772,149 orang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak mempunyai perincian maklumat seperti yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 85

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang baru dipasang sehingga kini dan berapakah jumlah pembayaran telah dibuat untuk pemasangan kamera tersebut; dan

(b) berapakah jumlah saman dikeluarkan dan berapakah pengguna dikenakan pemotongan mata dimerit sejak penguatkuasaan AWAS (Automated Awereness Safety System) pada 15 April 2017 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sehingga kini, sebanyak 21 kamera *Automated Awareness Safety System* (AwAS) telah beroperasi melibatkan 8 lokasi di negeri Perak, 2 lokasi di negeri Selangor, 3 lokasi di Kuala Lumpur, 2 lokasi di Putrajaya, 2 lokasi di Johor, 1 lokasi di Kelantan, 1 lokasi di Kedah dan 2 lokasi di Terengganu. Segala kos berkaitan pembangunan, penyelenggaraan dan operasi sistem serta infrastruktur AwAS adalah dibiayai oleh syarikat penyedia perkhidmatan.

(b) Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan melalui sistem AwAS sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 15 April 2017 sehingga terkini adalah sebanyak 142,135 notis saman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12,354 notis saman telah dikeluarkan berkaitan kesalahan gagal patuhi lampu isyarat merah dan 129,781 berkaitan kesalahan memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Manakala bagi pengguna yang dikenakan mata demerit adalah sebanyak 7,258 orang.

SULIT

NO. SOALAN: 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9958

SOALAN :

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Malaysia memantau dan menghalang kemasukan dan ancaman IS - Islamic State, ke dalam negara dengan kekalahan kumpulan tersebut di Timur Tengah.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap keselamatan negara berada dalam keadaan baik dan terkawal daripada sebarang bentuk ancaman pengganas di dalam mahupun luar negara. Bagi merealisasikan tujuan itu, Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan selamat serta bebas daripada ancaman keganasan.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita. Mengambil kira beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia masa kini, kekalahan kumpulan Daesh di Syria serta implikasi daripada tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di negara masing-masing telah mendorong Kerajaan mengambil beberapa langkah drastik dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap keselamatan negara. Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep "Strategi

Lautan Biru Kebangsaan" iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapkan dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan keselamatan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara pihak Polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada segi operasi tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

NO. SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9956

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan pendatang tanpa izin yang berada dalam negara kita dan apakah langkah-langkah segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini yang telah membawa impak besar kepada masyarakat sosial negara kita.

NO. SOALAN: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**
		[BANDAR TUN RAZAK – BEBAS]
TARIKH	**:**	**25 JULAI 2017**
SOALAN	**:**	**87**

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang cadangan menyemak dan mengemas kini semua dasar berkenaan mangsa pelarian dan pemohon suaka di Malaysia termasuk kecenderungan menjamin hak-hak asas, jaringan keselamatan sosial dan perlindungan undang-undang demi kelangsungan hidup di tempat baharu.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktiraf status "pelarian" memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan / atau Protokol 1967. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan "pelarian" yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Dasar Kerajaan mengenai perkara ini adalah menggunakan asas "satu kes ke satu kes".

Sememangnya Kerajaan sedang dalam proses menyemak semula semua dasar sedia ada termasuklah berkaitan dengan pemegang kad UNHCR bagi memastikan ia selaras dengan kehendak Dasar Keselamatan Negara yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2017.

Semakan semula ini akan mengambil kira pelbagai aspek berkaitan "pelarian" khususnya implikasi terhadap keselamatan negara dan rakyat, hak asasi manusia serta pematuhan terhadap undang-undang antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA**
KAWASAN	:	**BATU**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
NO. SOALAN	:	**88**

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan beberapa penganalisis mengatakan pelaburan China dalam projek Melaka Gateway bukan sahaja untuk pulangan ekonomi tetapi untuk memajukan tentera laut di Selat Melaka. Apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan ini tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertanggungjawab mengenai pelaburan dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor pembuatan berjumlah RM4.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka menjana 10,147 peluang pekerjaan. Pelaburan yang diluluskan dari negara China merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar bagi tempoh ini. Daripada jumlah pelaburan

ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrikal mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu sejumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

2. Setakat 31 Disember 2016, jumlah pelaburan secara akumulatif dari negara China yang telah **direalisasikan** dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM14.2 bilion. Pelaburan ini melibatkan 220 projek dan telah menjana 33,020 peluang pekerjaan. Pelaburan yang telah direalisasikan tersebut berada di kedudukan kesembilan setakat 2016.

3. Di samping penglibatan syarikat-syarikat dari China dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Kerajaan menggalakkan usahasama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan ekonomi negara, seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan. Salah satu projek ikonik yang melibatkan pelaburan China adalah pembangunan *Melaka Gateway*.

4. Projek *Melaka Gateway* telah disenaraikan *sebagai Entry Point Project* (EPP) melibatkan pembangunan *mixed development* yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelbagai seperti pelancongan, pusat & kompleks perniagaan, pelabuhan laut dalam dan kawasan industri maritim berteknologi tinggi. Projek ini akan dibangunkan secara bersama oleh syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan syarikat Power China International Group Limited di atas tanah yang ditambak (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah

pulau. Nilai pembangunan kasar (GDV) projek dianggarkan berjumlah RM64 bilion dan dijangka menarik 2.5 juta pelancong setahun ke Melaka serta membuka kira-kira 45,000 peluang pekerjaan. Pembangunan projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka.** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia telah menubuhkan Sekretariat Kebangsaan Inisiatif *Belt and Road* akan turut memantau perkembangan projek Melaka Gateway.

5. Empat buah pulau yang sedang dibangunkan di Melaka Gateway terdiri daripada:

(i) **Pulau 1** & **Pulau 2** bagi pembangunan *Melaka International Cruise Terminal*/jeti kapal percutian, kapal layar dan feri, pusat membeli belah, kondominium & pangsapuri, perhotelan, Melaka Eye (*Ferris Wheel*) dan pusat kesihatan dan pendidikan;

(ii) **Pulau 3** pula merupakan pelabuhan laut dalam *(deep sea port)* yang menawarkan perkhidmatan terminal kargo cecair dan pelabuhan laut dalam; dan

(iii) **Pulau 4** dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Maritim *(Maritime Industrial Park).* Antara industri-industri yang akan beroperasi ialah kejuruteraan marin & pembuatan, terminal kontena & logistik pelabuhan dan pembinaan & pembaikan kapal.

6. Penyertaan syarikat China dalam projek Melaka Gateway hanya terhad kepada spesifikasi yang telah diperincikan di atas yang hanya melibatkan aktiviti-aktiviti komersil. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka juga tidak pernah memberi kelulusan kepada Kerajaan

China untuk menggunakan Melaka Gateway atau perairannya bagi tujuan memajukan tentera laut di Selat Melaka. Konsultasi-konsultasi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China yang diadakan secara berkala akan dapat mengatasi sebarang cabaran menerusi hubungan diplomatik sedia ada.

7. Tambahan pula, Kementerian Pertahanan juga sentiasa mengikuti secara dekat perkembangan projek Melaka Gateway termasuk peluang dan implikasi projek ini. Untuk makluman, pergerakan keluar masuk kapal-kapal tentera laut negara asing ke perairan dan pelabuhan negara tertakluk kepada kelulusan kerajaan. Walaupun kemudahan himpitan dan pelabuhan dibangunkan oleh syarikat dari China, ia tidak akan memberikan sebarang keistimewaan atau pengecualian yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan Negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017**
SOALAN	:	**89**

YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

Adakah Hospital Ratu Elizabeth 2 (QEH 2) menghadapi masalah kewangan atau tiada peruntukan sehinggakan alat pemanas air di bilik mandi di kebanyakan wad tidak dapat dibaiki. Bilakah alat tersebut boleh dibaiki. Berapakah peruntukan yang telah diberikan kepada QEH 2.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan aset serta peralatan di Hospital Queen Elizabeth 2 dilaksanakan oleh syarikat konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) iaitu Sedafiat Sdn Bhd. Secara asasnya, bekalan air panas di wad-wad Hospital Queen Elizabeth 2 dibekalkan melalui sistem bekalan air panas berpusat yang dijana oleh sistem dandang stim dengan menggunakan diesel sebagai bahan bakar.

Buat masa ini, sistem tersebut masih berfungsi dan sekiranya terdapat kerosakan, syarikat konsesi PSH akan melaksanakan pembaikan sistem tersebut.

Walaubagaimanapun, sebagai langkah penjimatan tenaga, pihak Hospital Queen Elizabeth 2 telah menjadualkan tempoh operasi sistem bekalan air panas berpusat tersebut hanya pada waktu pagi dan waktu petang memandangkan kadar penggunaan air panas adalah tinggi pada waktu tersebut. Susulan daripada langkah penjadualan waktu operasi tersebut, pihak Hospital Queen Elizabeth 2 telah berjaya menjimatkan penggunaan diesel kepada hampir separuh berbanding sebelum langkah tersebut dilaksanakan.

Soalan No: 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarikat pembekal, jenama perkakasan serta kos pembekalan Tablet Bantuan Mengajar yang sepatutnya diagihkan kepada 430,000 guru seperti yang diumumkan dalam Bajet 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat pembekal bagi Tablet Bantuan Mengajar ialah syarikat Utusan Melayu (M) Berhad. Sebanyak 42,551 tablet dibekalkan dalam fasa 1 kepada guru di Sarawak dan 17,568 guru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi fasa 2, seramai 61,500 guru di Selangor telah menerima tablet tersebut.

RJM20

NO. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB. Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-

a. jumlah kes penipuan agensi pelancongan yang terkini dan syarikat pelancongan yang telah disenaraihitamkan atau digantung lesen; dan

b. cara mana Kementerian boleh mengawal syarikat terlibat supaya tidak lagi boleh memperdayakan masyarakat.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMAED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permintaan yang tinggi oleh rakyat Malaysia dalam mengerjakan umrah dan ziarah telah meningkat saban tahun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi musim umrah dari November 2016 hingga Jun 2017 (Safar hingga Ramadhan 1438 Hijrah), dianggarkan seramai 230,000 jemaah Malaysia telah menunaikan ibadah umrah dengan nilai transaksi penjualan pakej umrah dan ziarah dianggarkan melebihi RM1billion. Permintaan dan nilai pasaran yang tinggi ini telah mendorong pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan dengan menipu dan memperdaya orang awam melalui penjualan pakej umrah palsu.

Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan memantau aktiviti penjualan pakej umrah dan ziarah di Malaysia dan tidak akan teragak-agak dalam mengambil tindakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] khususnya yang melibatkan kes-kes penipuan dan penjualan pakej umrah palsu. Berdasarkan rekod Kementerian, bagi tempoh 2012 hingga 2017, sebanyak 290 kes aduan berkaitan umrah dan ziarah telah dicatatkan. Dalam tempoh masa yang sama, sebanyak 96 kes telah disiasat dan dikompaun berdasarkan Akta 482 atas pelbagai kesalahan dengan kompaun terkumpul berjumlah sebanyak RM513,500.

Sehingga Jun 2017, sebanyak 17 kes telah disiasat dan dikompaun secara terkumpul berjumlah RM123,500. Kompaun tersebut telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan berdasarkan Akta 482 iaitu;

a. Bekerjasama dengan agensi tanpa lesen – 8 kes;
b. Agensi pelancongan tidak berlesen – 3 kes;
c. Membuka cawangan tanpa lesen – 3 kes;
d. Tidak mematuhi kehendak-kehendak pengiklanan – 1 kes;
e. Tidak membuat sebarang perjanjian dengan jemaah – 1 kes; dan
f. Melaksanakan perniagaan diluar bidang yang dilesenkan – 1 kes .

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian serius dalam memerangi aktiviti penipuan pakej umrah dan ziarah. Berdasarkan peruntukan di bawah Akta 482, pihak Kementerian telah mengambil tindakan yang keras iaitu sama ada pembatalan lesen, menarik balik lesen bidang tertentu atau menyenaraihitamkan agensi-agensi pelancongan dan pengendali umrah dan ziarah. Bagi tempoh dari tahun 2009 hingga 2017, sebanyak 14 syarikat yang melaksanakan aktiviti pelancongan dan pengendalian umrah dan ziarah telah dikenakan tindakan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 12 syarikat telah dibatalkan lesen sementara satu (1) syarikat telah ditarik lesen bidang pelancongan luar negara (*outbound*) setelah didapati bersalah melanggar Akta 482 yang melibatkan elemen penipuan. Bagi tahun 2017, pihak Kementerian telah mengeluarkan notis pembatalan lesen kepada dua (2) buah syarikat yang kini di peringkat rayuan. Pihak

Kementerian juga sedang menyiasat beberapa lagi agensi pelancongan yang mengendalikan pakej umrah dan ziarah atas kesalahan di bawah Akta 482 dan bakal berhadapan dengan tindakan yang sama jika disabit kesalahan.

Senarai nama syarikat yang telah dikenakan tindakan pembatalan lesen oleh Kementerian adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
1.	2009	Warith NY Travel & Tours	Pembatalan Lesen
2.	2009	Tijaratun Nur Travel & Tours	Pembatalan Lesen
3.	2010	Qaisar Travel & Tour	Pembatalan Lesen
4.	2010	Permata El-Nur Travel & Tours	Pembatalan Lesen
5.	2010	Hijjaz Legend Travel & Tours	Pembatalan Lesen
6.	2012	J & J Mesra Travel & Tours	Pembatalan Lesen
7.	2013	Seven Seas Travel & Tours	Pembatalan Lesen
8.	2014	Yadh Travel & Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
9.	2014	ANF Holidays Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen
10.	2015	Madain Al-Taqwa Travel & Tours Sdn. Bhd.	Pembatalan Lesen

Bil.	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
11.	**2015**	**Irna Yakin Travel & Tours Sdn. Bhd.**	**Pembatalan Lesen**
12.	**2015**	**Agensi Pengembaraan Asari Murni Sdn. Bhd.**	**Dilarang menjalankan aktiviti Outbound**
13.	**2017**	**Ukhwah Firdausi Travel Sdn Bhd**	**Notis Pembatalan Lesen (Dalam Peringkat Rayuan)**
14.	**2017**	**Imtiyaz Travel & Tours Sdn. Bhd.**	**Notis Pembatalan Lesen (Dalam Peringkat Rayuan)**

Pihak Kementerian turut bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain khususnya dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memerangi aktiviti penipuan pakej umrah dan ziarah. Kes-kes penipuan pakej umrah dan ziarah disiasat oleh pihak PDRM di bawah Seksyen 420, Seksyen 408 dan/atau Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Bagi tempoh 2012 hingga 2017, sebanyak 280 kes telah dikenal pasti oleh PDRM yang melibatkan kerugian dianggarkan berjumlah RM10.6 juta. Bagi tahun 2017, sebanyak 30 kes telah dikenal pasti sehingga bulan Jun lalu yang dianggarkan melibatkan kerugian berjumlah RM582,075.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam mengawal syarikat terlibat supaya tidak boleh lagi memperdayakan

masyarakat adalah dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan termasuklah iklan-iklan umrah dan ziarah di media cetak dan elektronik. Bagi memerangi penyebaran iklan pakej umrah palsu, pihak Kementerian sentiasa memantau iklan-iklan berkaitan umrah dan ziarah khususnya pengiklanan media elektronik seperti di laman web, blog dan laman di media sosial yang menjadi medium utama dalam penyebaran iklan-iklan pakej umrah dan ziarah yang palsu. Hasil pemantauan tersebut, pihak Kementerian dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mengenalpasti dan mengambil tindakan menghalang laman web, blog dan laman di media sosial milik individu-individu dan syarikat-syarikat yang tidak berlesen yang mengiklankan pakej umrah dan ziarah daripada terus beroperasi.

Selain itu, pihak Kementerian juga tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan lesen yang baru dari agensi pelancongan dan pengembaraan oleh mana-mana individu-individu yang telah disenaraihitam kerana didapati bersalah melanggar Akta 482 khususnya yang melibatkan kes-kes yang boleh memudaratkan kepentingan awam khususnya bagi pengendalian umrah dan ziarah. Tindakan yang dikenakan ke atas individu-individu ini juga turut dipanjangkan kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) agar mereka yang telah dikenal pasti ini turut dihalang daripada menubuhkan syarikat baru berkaitan pelancongan atau mengambil alih syarikat lain bagi menjalankan aktiviti berkaitan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari akan perlunya diwujudkan satu badan bertindak yang khusus dalam menguruskan hal-hal berkaitan umrah, pihak Kementerian telah menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) pada 20 Ogos 2014. Fungsi MKSU di antaranya adalah untuk:

a. menyelaras isu-isu aduan dan pertanyaan berhubung aktitivi umrah kepada pihak-pihak berkaitan;
b. menyelaras dan memantau industri pengendalian pakej umrah; dan
c. menguatkuasakan pelaksanaan peruntukan-peruntukan perundangan dan peraturan-peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

MKSU dianggotai oleh 13 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, agensi dan jabatan Kerajaan; badan-badan korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan-persatuan industri pelancongan. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah MKSU adalah:

a. Menetapkan harga lantai pakej ekonomi umrah / ziarah sebanyak RM4,900 bagi tempoh 12 hari 10 malam. Harga minimum ini adalah bertujuan menjadi indikator dan panduan kepada orang awam dalam menilai pakej umrah agar tidak terpedaya dengan pakej umrah palsu yang selalunya jauh lebih rendah dan tidak munasabah;

b. Mengeluarkan arahan berhubung larangan pelantikan ejen / wakil syarikat kepada pihak industri pelancongan dan agensi / jabatan

Kerajaan. Larangan ini dikeluarkan disebabkan berlakunya kes-kes penipuan yang berpunca daripada individu-individu yang menyamar sebagai agen pelancongan palsu dan penglibatan agen / wakil syarikat dari kalangan penjawat awam yang telah dilantik oleh syarikat pengendali umrah palsu;

c. Melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan pengendalian jemaah umrah di lapangan terbang KLIA dan KLIA 2 semasa musim umrah. Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ini bertujuan memastikan para pengendali yang terlibat dengan jemaah Malaysia adalah yang berlesen, memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan pihak Kementerian dan perjalanan jemaah adalah diuruskan dengan baik; dan

d. Bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dalam mengenalpasti syarikat penerbangan yang menawarkan penerbangan sewa khas (*chartered flight*) bagi tujuan umrah adalah yang telah diperaku oleh pihak Kerajaan yang mana telah mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa dan memantau urusan penerbangan jemaah Malaysia yang terjejas akibat krisis diplomatik antara Kerajaan Qatar dan beberapa Negara Teluk termasuk Arab Saudi khususnya yang menggunakan penerbangan Qatar Airways.

Melalui MKSU juga, pihak Kementerian dengan kerjasama pihak PDRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDNKK) khususnya pihak Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia sedang giat

mengadakan program-program kesedaran kepada orang awam di seluruh negara khususnya yang melibatkan penduduk luar bandar dan warga emas yang menjadi sasaran penipuan pakej umrah. Kempen-kempen yang dianjurkan ini adalah bagi memberi kesedaran kepada semua agar sentiasa berwaspada akan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menjual pakej umrah palsu dan meningkatkan kefahaman mereka tentang hak mereka selaku pengguna khususnya berkaitan pihak-pihak yang boleh mereka rujuk dalam membuat pertanyaan, aduan dan tuntutan.

Pihak Kementerian juga turut sentiasa menghebahkan isu-isu penipuan pakej umrah dan ziarah untuk pengetahuan umum melalui slot-slot temubual berkaitan isu ini melalui saluran media elektronik seperti di laman web Kementerian, televisyen, radio dan media sosial. Hebahan dan edaran bahan-bahan cetak berkaitan penipuan pakej umrah seperti pamplet dan poster di kaunter-kaunter Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri, booth-booth program Kerajaan dan swasta seperti Karnival Matta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan dibawah Jabatan Perdana Menteri.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Pembangunan yang diperuntukkan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM613,949,837.00, tahun 2016 adalah RM1,444,217,681.14 dan tahun 2017, RM1,750,020,100.00 untuk dibelanjakan bagi Negeri Sarawak.

Peruntukan ini melibatkan antaranya seperti projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak, Projek Pembekalan Tangki Air Ke Negeri Sarawak, Projek Pembinaan Pejabat Dan Kuarters APMM Daerah Miri, Sarawak dan termasuk projek-projek di bawah RECODA iaitu Jalan Akses Ke Tapak Empangan Baleh, Bahagian Kapit, Taman Perindustrian Samalaju, Bekalan Air Mukah dan lain-lain projek.

Peratusan peruntukan pembangunan keseluruhan dibawah Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015 adalah 4.70%, tahun 2016 adalah 10.01% dan tahun 2017 adalah 15.83%.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab dan pertimbangan serta cadangan jabatan/agensi mana, Jalan Mutiara Jaya dan Lorong Mutiara Jaya 1 (P045 Bukit Mertajam) dipindah dari N13 Berapit ke N14 Machang Bubok dalam proses persempadanan semula daerah mengundi yang siap pada 31 Mac 2016.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang telah dibuat ke atas daftar pemilih sehingga 31 Mac 2017 yang telah diwartakan pada 20 Jun 2017, Jalan Mutiara Jaya dan Lorong Mutiara Jaya 1 adalah terletak di dalam lokaliti Taman Mutiara Indah dan ia masih kekal berada dalam Daerah Mengundi Mutiara Indah (045/13/07) di bawah Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.045 Bukit Mertajam dan Dewan Undangan Negeri N.13 Berapit.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**
TARIKH	**:**	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
SOALAN	**:**	**94**

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

a. berapakah jumlah bot nelayan asing yang menceroboh memasuki ke perairan negara setiap tahun untuk 10 tahun kebelakangan; dan

b. apakah bentuk tindakan yang dikenakan ke atas bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara Malaysia.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

a) *Malaysia Coast Guard* (Maritim Malaysia) sentiasa melaksanakan rondaan dan juga pemeriksaan ke atas vesel-vesel yang melalui kawasan perairan Negara. Seperti semua sedia maklum *Malaysia Coast Guard* juga memandang serius akan perkara ini. Statistik menunjukkan sebanyak **989 kes** pencerobohan bot nelayan asing yang berjaya ditahan dari tahun 2006 hingga 2017 seperti jadual di bawah:

Jadual Tangkapan Bot Nelayan Asing Tahun 2006-2017

TAHUN / NEGARA	VIETNAM	INDONESIA	THAILAND	FILIPINA	CHINA	SINGAPURA	BRUNEI	TAIWAN	JUMLAH
2006	20	14	3	0	0	0	0	0	37
2007	34	31	18	1	1	4	0	0	89
2008	40	25	13	1	2	0	0	0	81
2009	63	44	25	2	1	2	0	0	137
2010	60	35	8	0	0	0	1	0	104
2011	26	31	10	0	2	0	0	0	69
2012	42	11	4	0	0	0	0	0	57
2013	33	25	3	0	0	0	0	0	61
2014	46	19	8	1	0	0	0	0	74
2015	63	36	7	1	0	0	0	0	107
2016	64	39	1	3	0	0	0	1	108
2017	58	7	0	0	0	0	0	0	65
JUMLAH	549	317	100	9	6	6	1	1	**989**

(b) Kesemua kes tangkapan bot nelayan asing (BNA) disabitkan atas kesalahan mencerobohi perairan Negara, di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985

kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara. Kesemua bot dan kapal yang ditahan akan dilucutkan hak dan sebahagian besar daripadanya dilelong manakala bot dan kapal yang sudah usang dilupuskan dan dijadikan tukun tiruan oleh kepada kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Effingham di Bandar Utama, Selangor adalah dalam senarai 45 sekolah yang telah memulakan program perintis Dwi Bahasa (DLP) di seluruh negara, dan kalau ada, kenapa program ini diteruskan di sekolah itu walaupun ada bantahan daripada ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Effingham di Bandar Utama Petaling Jaya Selangor tidak tersenarai dalam kalangan 45 sekolah SJK(T) yang melaksanakan *Dual Language Program* (DLP). Pelaksanaan program DLP di sekolah tersebut telah diberhentikan pada 17 Mac 2017. Sekiranya hendak diteruskan, sekolah tersebut perlu membuat permohonan semula untuk melaksanakan DLP pada tahun 2018.

RJM21

NO. SOALAN: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]**
TARIKH	:	**25 JULAI 2017 (SELASA)**
RUJUKAN	:	**9959**
SOALAN	:	

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anak pekerja asing yang lahir di Malaysia dan tidak punya kewarganegaraan. Apakah dasar Imigresen terhadap keturunan pekerja asing ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) tidak dibenarkan berkahwin atau membawa anak-anak dan keluarga sepanjang tempoh penggajian di negara ini. Kebenaran bagi kemasukan anak-anak dan keluarga mereka ke Malaysia hanyalah atas tujuan lawatan sosial dan dalam tempoh terhad.

Semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia termasuk warga asing mesti didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, butiran berhubung status kewarganegaraan individu semasa pendaftaran kelahiran akan direkodkan mengikut status kewarganegaraan ibu bapa, yang mana anak warga asing dikategorikan sebagai bukan warganegara Malaysia. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa ibu bapa kanak-kanak tersebut juga perlu melaporkan kelahiran ke kedutaan negara asal bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan yang sah.

Adalah dimaklumkan bahawa JPN tidak menyimpan maklumat pekerjaan individu untuk semua urusan pendaftaran sivil.

SOALAN NO.: 97

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 25 JULAI 2017, SELASA

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek menaiktaraf Jalan Besar, Seri Kembangan menuju ke Lebuhraya BESRAYA di bawah Rolling Plan RMKe-11 dan bila dana untuk projek ini akan diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya peka dan prihatin terhadap keselesaan pengguna jalan raya serta mengambil maklum mengenai isu kesesakan di kawasan Seri Kembangan. Kesesakan di kawasan Seri Kembangan berlaku berikutan pertambahan jumlah aliran trafik seiring dengan pembangunan yang semakin pesat di kawasan Seri Kembangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah memohon untuk Menaiktaraf Jalan Putra Permai dari Lebuhraya Sg. Besi (BESRAYA) sehingga Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri semasa Rolling Plan Ke-1, RMKe-11 dengan anggaran kos sebanyak RM 400 juta. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat.

Sehubungan itu, mengambil berat tentang isu ini, Kementerian telah membuat permohonan sekali lagi bagi projek Menaiktaraf FT3215 Jalan Putra Permai, Daerah Petaling, Selangor dalam Rolling Plan Ke-3, RMKe-11 pada bulan Mac 2017 dengan anggaran kos bagi kerja awalan sebanyak RM6 juta. Walaubagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

SULIT

NO. SOALAN : 98

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN [PADANG SERAI]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9960

PERTANYAAN:

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang telah dilaksana hukuman mati menurut kategori bangsa, kewarganegaraan dan jenis kesalahan daripada tahun 2007 hingga 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2007 hingga 10 Julai 2017, menunjukkan jumlah banduan yang telah dilaksanakan hukuman gantung sampai mati adalah seramai 30 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 27 orang adalah banduan warganegara Malaysia dan 3 orang adalah banduan warganegara asing yang terlibat dengan pelbagai kesalahan iaitu membunuh (25 orang), pengedaran dadah (3 orang) dan kesalahan berkaitan dengan senjata api (2 orang).

SOALAN (99)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	25 JULAI 2017 [SELASA]
DARIPADA	:	YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

SOALAN :-

YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **bilangan unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan selepas PRU-13 dalam pecahan negeri, lokasi dan bilangan. Adakah skim sewa-beli akan dipakai guna dalam rumah mampu bilik yang disediakan oleh Kerajaan.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan penyelarasan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) pada jumlah 1 juta unit rumah menjelang tahun 2018 di seluruh negeri dengan penetapan unit rumah pada harga siling maksimum RM300,000. Sehingga April 2017, jumlah sasaran unit RMM termasuk yang telah siap sepenuhnya dibina oleh pelbagai agensi di daerah dalam setiap negeri ialah seperti berikut:

NEGERI	DAERAH	UNIT SASARAN	JUMLAH
Johor	Segamat	7,133	**128,436 (20% UNIT SIAP = 25,410 UNIT)**
	Kluang	13,584	
	Mersing	1,311	
	Kota Tinggi	9,731	
	Kulai Jaya	7,364	
	Johor Baharu	62,352	
	Pontian	1,654	
	Batu Pahat	9,490	
	Muar	5,669	
	Ledang	2,904	

	Pelbagai Daerah	7,244	
Kedah	Langkawi	1,972	**58,440** **(72% UNIT SIAP = 42,131 UNIT)**
	Kubang Pasu	7,510	
	Pokok Sena	1,589	
	Padang Terap	1,739	
	Sik	190	
	Kuala Muda	14,550	
	Baling	2,266	
	Bandar Baharu	553	
	Kulim	10,692	
	Yan	303	
	Pendang	3,610	
	Kota Setar	8,093	
	Pelbagai Daerah	5,373	
Kelantan	Pasir Mas	2,301	**38,659** **(34% UNIT SIAP = 12,893 UNIT)**
	Tumpat	3,524	
	Kota Bharu	11,578	
	Bachok	722	
	Pasir Puteh	3,695	
	Machang	1,712	
	Kuala Krai	3,086	
	Gua Musang	1,944	
	Jeli	766	
	Tanah Merah	2,286	
	Pelbagai Daerah	7,045	
Melaka	Jasin	14,548	**71,113** **(25% UNIT SIAP = 17,750 UNIT)**
	Melaka Tengah	36,985	
	Alor Gajah	16,832	
	Pelbagai Daerah	2,748	
Negeri Sembilan	Jelebu	704	**35,282** **(22% UNIT SIAP = 7,603 UNIT)**
	Jempol	2,634	
	Kuala Pilah	854	
	Tampin	1,252	
	Rembau	2,164	
	Port Dickson	4,300	

	Seremban	20,219	
	Pelbagai Daerah	3,155	
Pahang	Lipis	1,648	**57,583 (65% UNIT SIAP = 14,650 UNIT)**
	Jerantut	3,056	
	Maran	1,816	
	Kuantan	28,588	
	Pekan	8,004	
	Rompin	3,276	
	Bera	1,274	
	Bentong	2,598	
	Temerloh	3,739	
	Raub	952	
	Cameron Highlands	2,632	
Perak	Kerian	2,391	**70,482 (30% UNIT SIAP = 20,952 UNIT)**
	Selama	1	
	Hulu Perak	1,286	
	Kuala Kangsar	2,653	
	Kinta	21,249	
	Kampar	2,981	
	Batang Padang	8,920	
	Hilir Perak	3,592	
	Perak Tengah	4,960	
	Manjung	9,050	
	Larut & Matang	4,422	
	Pelbagai Daerah	8,977	
Perlis	-	11,934	**11,934 (24% UNIT SIAP = 2,831 UNIT)**
Pulau Pinang	Timur Laut	6,665	**63,008 (21% UNIT SIAP = 13,278 UNIT)**
	Seberang Perai Utara	13,312	
	Seberang Perai Tengah	6,315	

	Seberang Perai Selatan	4,544	
	Barat Daya	31,672	
	Pelbagai Daerah	500	
Selangor	Sabak Bernam	618	**106,478 (32% UNIT SIAP = 34,344 UNIT)**
	Ulu Selangor	1,685	
	Gombak	5,544	
	Ulu Langat	26,997	
	Sepang	20,382	
	Kuala Langat	22,500	
	Klang	12,211	
	Petaling	12,866	
	Kuala Selangor	1,675	
	Pelbagai Daerah	2,000	
Terengganu	Besut	1,798	**33,699 (47% UNIT SIAP = 15,906 UNIT)**
	Setiu	952	
	Kuala Terengganu	7,550	
	Marang	3,838	
	Dungun	1,726	
	Kemaman	9,854	
	Hulu Terengganu	1,766	
	Pelbagai Daerah	6,215	
Sarawak	Kuching	18,217	**37,915 (14% UNIT SIAP = 5,220 UNIT)**
	Daro	300	
	Sibu	1,779	
	Mukah	152	
	Bintuli	5,621	
	Miri	3,476	
	Limbang	114	
	Betong	284	
	Sri Aman	259	

NO SOALAN :100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 25.07.2017**

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada 1MDB telah menandatangani perjanjian pelaburan atau pinjaman sebanyak US$700 juta dengan atau kepada Good Star Limited yang ditandatangani oleh Datuk Shahrol Halmi dengan En Seet Li Lin pada tahun 2009 dan 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Huraian dan jawapan terperinci mengenai perkara ini telah pun diberi oleh pihak 1MDB dan boleh dirujuk di dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC") ke atas 1MDB.

Berdasarkan rekod 1MDB, tidak ada sebarang perjanjian pelaburan atau pinjaman di antara 1MDB dengan atau kepada Good Star Limited.

	Samarahan	1,157	
	Bau	122	
	Pelbagai Daerah	6,434	
Sabah	Kota Kinabalu	19,261	**72,310 (24% UNIT SIAP = 17,665 UNIT)**
	Tuaran	4,960	
	Kota Belud	1,114	
	Kudat	922	
	Pitas	440	
	Kota Marudu	1,292	
	Ranau	650	
	Sandakan	8,170	
	Kinabatangan	300	
	Lahad Datu	7,012	
	Semporna	1,491	
	Tawau	5,337	
	Tambunan	300	
	Keningau	930	
	Beaufort	687	
	Papar	6,389	
	Penampang	6,292	
	Putatan	1,512	
	Pelbagai Daerah	5,251	
Kuala Lumpur	-	69,762	**69,762 (9% UNIT SIAP = 5,810 UNIT)**
Wilayah Persekutuan Labuan	-	3,156	**3,156 (6% UNIT SIAP = 172 UNIT)**
Putrajaya	-	17,233	**17,233 (7% UNIT SIAP = 1,123 UNIT)**
JUMLAH			**875,490**
JUMLAH UNIT SIAP			**237,738 (27%)**

Sasaran 1 juta unit rumah dijangka akan dapat dilepasi pada hujung tahun 2017

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Skim Sewa Untuk Beli atau *Rent to Own* (RTO) untuk rumah yang dibangunkan oleh KPKT adalah khusus bagi unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diputuskan untuk dijual. Ia hanya ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Untuk fasa awal, kaedah skim ini adalah khusus untuk pembelian rumah bagi PPR Gua Musang, PPR Kampung Hassan, PPR Lembah Subang 2 dan PPR Ladang Siliau atau mana-mana projek PPR yang diputuskan untuk dijual. Selain itu, skim berkonsepkan RTO juga telah dilaksanakan melalui pembelian unit rumah oleh PR1MA dan Kerajaan Negeri seperti Johor dan Selangor. Kerajaan berpandangan bahawa skim ini berpotensi diperluaskan untuk pembelian unit rumah yang dibangunkan oleh agensi-agensi dan Kerajaan Negeri yang lain pada masa akan datang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

NO. SOALAN: 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 10151

SOALAN:

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini berhubung tindakan ataupun siasatan pihak berkuasa sepertimana yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang dikeluarkan sejak April 2016 yang lalu berpendapat terdapat kekangan dan kelemahan tertentu oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB khususnya bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi yang perlu mengambil tanggungjawab atas kelemahan dan kekangan-kekangan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

PDRM telah menjalankan siasatan ke atas Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) terhadap Syarikat *1Malaysia Development Berhad* (1MDB) di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Dalam proses siasatan ini, PDRM telah merakam percakapan daripada beberapa orang saksi termasuk penama bagi membantu siasatan polis.

PDRM telah merujuk hasil siasatan dan menunggu arahan selanjutnya dari Jabatan Peguam Negara. Bagi memastikan proses siasatan yang sedang dijalankan tidak terganggu, Kementerian tidak bercadang untuk mendedahkan butiran siasatan sehinggalah keputusan muktamad mengenai siasatan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara.

SOALAN NO. 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah daftar pemilih terkini yang telah bertukar alamat tempat mengundi dan jumlah pendaftaran baru pemilih terkini mengikut setiap negeri.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan pendaftaran pemilih bagi daftar pemilih dari bulan Januari hingga Mac 2017 adalah sebanyak 334,225 yang terdiri daripada 252,634 pendaftaran baru dan 81,591 pendaftaran tukar alamat bagi seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]**

TARIKH : **25 JULAI 2017**

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran kos terperinci untuk penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri dan Menteri Kabinet di Seri Perdana pada 25 Jun 2017.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri bersama Anggota Kabinet di Seri Perdana pada 25 Jun 2017 merupakan salah satu acara rasmi Kerajaan dan mengguna pakai kelayakan keraian meraikan Tetamu YAB Perdana Menteri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Keseluruhan perbelanjaan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 16 Jun 2017 serta dikendalikan secara sederhana mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 bertarikh 11 Mac 2016 - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.